

Jilid II
Bil. 38



Hari Isnin
4hb November, 1985

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPANMULUTBAGIPERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6133]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 6176]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 6176]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amar Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SRI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J. D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P. S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Bencdam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan DATO' RAIS.YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATUBANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD, KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat),
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Partimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHAKI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK Krr (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- r, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.L.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN-IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KJT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., p.j.K.(Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (BUKIT MAS).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N. J.P (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching),
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir **M**as).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P, B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pem berita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 4hb November, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**LADA HITAM—
DUTI EKSPORT**

1. Tuan Richard Damping anak Laki minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pekebun lada hitam di Sarawak membayar cukai eksport yang tinggi dan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menghapuskan duti eksport dan menyelamatkan dan menggalakkan tanaman lada hitam. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tindakan untuk mengurangkan duti eksport ke atas lada telah pun diambil seperti yang diumumkan dalam ucapan Belanjawan baru-baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Chin Gan Oon.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Peter Chin Gan Oon tidak hadir)

**SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN/
HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M.
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

3. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pelajaran menyatakan, bahawa zaman Penjajah British dahulu tiap-tiap sekolah diarah mengadakan sambutan Hari Empire Hari Jadi King/Queen walaupun dengan cara sederhana. Tidakkah Kementerian bercadang supaya Hari Kebangsaan, Hari Jadi D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan lain-lain seumpamanya, mesti disambut di semua sekolah-sekolah, walaupun dengan secara ringkas, supaya dapat menimbulkan perasaan taat setia dan cintakan negara.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sambutan Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan hari-hari lain seumpama dengannya diadakan di beberapa peringkat seperti peringkat daerah, Negeri dan Kebangsaan. Dalam sambutan di peringkat daerah dan Negeri, memang ramai murid-murid mengambil bahagian. Di peringkat Kebangsaan pula, sambutan secara besar-besaran diadakan dan beribu-ribu pelajar turut sama mengambil bahagian dalam sambutan ini tiap-tiap tahun.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi

menyatakan bahawa dalam sambutan peringkat-peringkat, di peringkat daerah ada, tetapi Yang Berhormat juga menyatakan bahawa ramai murid-murid menyertai. Adakah Yang Berhormat bercadang pada masa akan datang supaya sambutan diadakan di tiap-tiap sekolah itu sendiri supaya semua murid-muridnya menyertai dalam acara-acara yang dinyatakan itu? Jika tidak mengapa, kalau ya, bilakah akan dimulakan?

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak bercadang berbuat begitu oleh kerana kita percaya adalah lebih mustahak murid-murid dan guru-guru juga diberi peluang untuk mengikuti sambutan di peringkat Kebangsaan secara langsung atau melalui siaran radio dan televisyen.

KEMPEN BELILAH BARANG BUATAN MALAYSIA

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah hasil positif yang telah dicapai menerusi Kempen Membeli Barang Buatan Malaysia dan sejauh mana kempen ini diterima oleh rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Kempen "Belilah Barang Buatan Malaysia" sememangnya telah pun mendatangkan hasil yang positif. Kesemua aktiviti kempen ini telah pun mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Misalnya melalui aktiviti seranta yang dijalankan menerusi media-massa, kita telah pun disedarkan tentang kempen ini seperti yang dapat dilihat daripada laporan-laporan berita dan rencana-rencana khas dalam akhbar.

Kementerian saya juga menerima maklum balas berupa pandangan, ulasan dan cadangan dari pelbagai pihak tentang kempen ini dan

bagaimana mereka dapat memberi sumbangan menjayakan kempen tersebut. Pekilang-pekilang tempatan juga telah memberikan sambutan positif kepada seruan supaya meningkatkan mutu keluaran masing-masing. Suatu usaha ke arah menggalakkan pekilang-pekilang tempatan meningkatkan mutu barangan dan menggunakan bahan dan teknologi tempatan berupa pertandingan untuk merebut gelaran anugerah barangan cemerlang mendapat sambutan dan penyertaan yang baik dari pihak pekilang.

Sementara itu pasaraya-pasaraya ataupun supermarkets di seluruh negara mengadakan promosi dan pasaran Barangan Buatan Malaysia. Oleh yang demikian, setakat ini saya berpuas hati bahawa berdasarkan response yang kita terima kempen ini telah pun mendapat sambutan yang baik oleh rakyat Malaysia dan diterima oleh mereka sebagai suatu usaha penting yang harus diperjuangkan oleh semua pihak dalam masyarakat secara berterusan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa rakyat masih bersikap ragu-ragu tentang mutu atau kualiti barangan-barangan tempatan ini dan bolenkah Yang Berhormat menerangkan tindakan lanjutan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menetapkan langkah-langkah dan cara-cara mengenakan kehendak-kehendak mutu barangan-barangan tempatan ini supaya dapat menimbulkan sentimen nasionalisma tentang kempen ini?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan sedar dan dengan sebab itulah satu daripada rasional kempen ini dijalankan iaitu mengenai bahawa sehingga ini pun terdapat banyak lagi pengeluar-pengeluar tempatan kita yang belum dapat meningkatkan mutu

ataupun kualiti keluaran mereka ke suatu tahap yang dianggap baik ataupun setanding dengan barangan-barangan import. Sebab itu satu daripada strategi kempen yang sedang pun dijalankan ialah menerusi pasukan petugas kualiti teknologi dan bahan tempatan, kita menggesa kepada sektor swasta untuk mengambil langkah-langkah yang lebih agresif bagaimana caranya mutu keluaran mereka itu dapat dipertingkatkan.

Pertama, dengan menggalakkan soal research dan developmerit ataupun penyelidikan dan pembangunan di dalam sesuatu buah industri yang sekarang ini memang tidak begitu diberi tekanan oleh sektor swasta. Kita percaya kalau langkah untuk menyediakan R & D dijalankan oleh sektor pekilang-pakilang dengan galakan yang sudah pun diberikan oleh Kerajaan maka mutu keluaran barangan kita akan dapat dipertingkatkan ke satu tahap yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang ini.

Yang kedua, kita sudah pun memikirkan dengan serius bagaimana untuk mengenakan syarat berdasarkan peraturan dan undang-undang yang sedia ada supaya pihak pengeluar tempatan mematuhi piawaian minima yang telah pun ditetapkan dari segi barang-barang yang dihasilkan oleh mereka itu, dengan cara pertamanya mengadakan ujian-ujian dengan badan seperti MARDI dan SIRIM. Kalau dapat ujian ini dilakukan, bermakna barangan yang dikeluarkan oleh mereka itu diiktiraf mengikut piawaian yang diterima di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dan langkah ini perlu dijalankan secara berterusan. Sebab itu kita percaya kalau pihak sektor swasta terutama pekilang-pakilang mengambil berat di atas soal mutu, maka insya Allah pada masa-masa hadapan tingkat mutu barangan hasil dalam negeri kita akan

lebih baik daripada apa yang ada sekarang.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pertukaran wang asing. Jadi, setakat ini semenjak kempen dijalankan kalaulah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai angkanya di sini dan anggarannya, berapakah pertukaran wang asing yang dapat diselamatkan.

Kedua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak Kerajaan dalam usaha-usaha menjalankan kempen ini mendapat sebarang bentuk kerjasama daripada parti Pembangkang terutama sekali dari DAP.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Soalan yang kedua dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini kita belum menerima syor-syor konkrit daripada pihak DAP sendiri berkenaan dengan kempen ini.

Mengenai soalan yang pertama bahawa pertukaran wang asing, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tidak ada angka-angka yang khusus untuk menilai prestasi kempen berdasarkan foreign exchange. Walaupun mungkin kalau dilihat dari segi kadar nilai import sudah pun berkurangan. Saya tidak dapat hendak mengatakan ini disebabkan oleh kempen. Dan adalah sukar untuk membuat ukuran-ukuran kempen berdasarkan pertukaran wang asing.

Tuan Lim Kit Siang: Akankah Kerajaan menerima syor-syor DAP untuk menjayakan kempen membeli barang buatan Malaysia. Dan serupa yang pertama, akankah Kementerian yang berkenaan untuk menjayakan kempen ini dan selaras dengan slogan "Kepimpinan Melalui Teladan", bercadang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa mengeluarkan suatu arahan kepada

semua Jemaah Menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen bahawa memberhentikan membeli barang bukan buatan Malaysia atau menggunakan perkhidmatan bukan Malaysia dan dengan amaran bahawa kalau mereka teruskan membeli barang bukan buatan Malaysia atau menggunakan perkhidmatan bukan Malaysia jawatan mereka akan diberhentikan dan lagi satu syor supaya untuk menjayakan kempen ini khasnya daripada segi pelancungan supaya tempat-tempat Malaysia menjadi tempat dilawati, akankah Kementerian berkenaan buat satu lagi cadangan kepada Kabinet supaya mengeluarkan satu arahan membatalkan semua cuti-cuti Menteri-menteri ke luar negeri, bahawa mereka menggunakan cuti dalam Malaysia—ada cukup tempat untuk bercuti, untuk menjadi tempat pelancungan kalau mahu rakyat melancung di tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Dua syor.

Timbalan Yang di-Pertua: Dua syor, sama ada dipertimbangkan ataupun tidak.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Kerajaan kita Barisan Nasional sentiasa bersikap rasional untuk cadangan-cadangan sama ada dikemukakan oleh parti Pembangkang ataupun pihak Kerajaan sendiri. Tetapi saya sebutkan tadi, setakat ini belum ada lagi cadangan dikemukakan. Jadi tidaklah ada persoalan sama ada kita akan timbang ataupun tidak selagi Ketua Pembangkang belum mengemukakan persoalan ataupun syor-syor, Jadi, anggapan mengatakan kita tidak hendak menimbang itu, adalah tidak tepat. Kalau sekiranya pihak

Yang Berhormat dari Kota Melaka ada pandangan-pandangan sebagaimana yang telah pun dihujah oleh beliau tadi boleh disampaikan kepada kita dan kita boleh mengambil kira.

Mengenai pandangan syor Yang Berhormat tadi, slogan ataupun motto "Kepimpinan Melalui Teladan" memang ini sudah pun diamalkan oleh kita dan sudah pun diambil tindakan walaupun kita rasa ada perkara-perkara tertentu yang boleh dibaiki. Dari segi jangka panjangnya, insya Allah, konsep "Kepimpinan Melalui Teladan" ini akan menunjukkan kesannya. Jadi, saya tidaklah fikir wajar untuk mengatakan langkah-tangkah tidak diambil sama ada oleh pihak pegawai-pegawai Kerajaan, oleh pihak yang tertinggi dalam Kerajaan untuk mengambil kira apa yang telah pun diserukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi saya tidak perlu hendak mengulas lebih panjang tentang apa yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi sama ada umpamanya langkah-langkah diambil untuk mengeluarkan arahan, kerana arahan pun sudah dikeluarkan sebelum kempen dilaksanakan. Jadi, kita perlu mengkaji dari segi jangka panjang bukan sahaja jangka pendek sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua tidak dijawab. Soalan kedua mengenai cuti. Kalau dia tidak mahu jawab atau itu Official Secrets, katakan tetapi dia perlu jawab tanpa dapat izin bahawa ini rahsia rasmi. Tetapi tidak ada dijawab sesuatu pertanyaan yang dikemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat memilih untuk menjawab atau tidak ataupun Yang Berhormat terlupa, saya rasa.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya telah pun menjawab, Tuan Yang di-Pertua, dan menyeluruh, saya fikir jawapan saya tadi dan segala aspek memang dikaji oleh Kerajaan dari masa ke semasa. Jadi, itu tidak penting apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu satu ruling sama ada soalan itu sudah dijawab, sama ada cadangan syor pertama, syor kedua, saya tidak faham, orang khas baru boleh faham jawapan itu. Saya tidak faham. Saya mahu minta satu ruling apabila soalan dikemukakan bahawa satu jawapan diberi. Selain daripada mengikut peraturan ada sebab-sebab tertentu yang mengecualikan jawapan diberi, kalau tidak, patut diberi dan di sini dua-dua soalan tidak dijawab, saya meminta satu ruling.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memutuskan. Walaupun soalan-soalan tambahan yang dikemukakan merupakan soalan-soalan yang khusus, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memilih untuk menjawab secara keseluruhan. Keputusan saya ialah bahawa jawapan itu adalah menasabah.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beli pun barang-barang luar negeri. Semua barang saya buatan dalam negeri. Saya tidak tahu pula bagaimana dengan Ketua Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalnya Yang Berhormat?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Raiunan: Soalnya, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: Pun tidak ada barang luar negeri, boleh datang ke rumah saya.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Pura-pura. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu di dalam hendak menjayakan kempen beli barang-barang Malaysia ini, adakah Kerajaan menggunakan dasar langkah-langkah fiskal, misalnya tangkahan-langkah untuk mengenakan duti terhadap import yang khusus bagi menyokong rancangan ini dan kalau ada minta Yang Berhormat Menteri terangkan bagaimana kesannya terhadap kempen ini.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengkaji seluruh aspek dari segi dasar yang telah pun kita amalkan selama ini sama dari segi fiskal, dari segi dasar kewangan ataupun dasar fiskal untuk memberikan kesan kepada kempen yang sedang dijalankan dan memangtah apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu benar ada langkah-langkah tertentu yang sudah pun diambil oleh Kerajaan untuk memberikan sokongan kepada industri dalam negeri seperti dasar percukaian kita dan satu daripadanya sebagaimana yang telah pun dibentangkan dalam sidang Betanjawan baru-baru ini untuk mengenakan cukai yang lebih tinggi kepada barangan-barangan import ataupun barang-barang yang mempunyai konten import yang lebih tinggi maka dikenakan kadar percukaian yang lebih tinggi. Dasar ini akan kita teruskan dan kita akan mengkaji seluruh barangan-barangan import yang kita lakukan selama ini.

Kalau kita dapati bahawa sudah wujud industri dalam negeri yang mengeluarkan hasil yang dianggap setanding dan dengan sebab itu perlu import itu disekat, maka kita akan mengenakan sekatah yang sesuai untuk menyekat kemasukan barang-barang tersebut.

Tuan Yahaya bin Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu

daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian kenapakah sampai pihak Kementerian terpaksa mengadakan kempen untuk membeli barang-barangan buatan Malaysia sendiri, apakah amalan rakyat Malaysia ini tidak suka membeli barang-barang keluaran negeri ini sendiri dan lebih suka membeli barang daripada luar negeri, walhal barang daripada luar itu adalah lebih mahal. Adakah benar ada pihak yang menjalankan kempen bahawa barangan dalam negeri ini tidak baik dan barangan dari luar negeri lebih baik? Sebagai contoh katalah kereta Proton Saga, ada sabotaj mengatakan kereta ini tidak baik walhal kereta ini adalah baik dan dijamin mutunya tetapi sabotaj telah dilakukan. Adakah dengan sebab itu Kerajaan terpaksa mengadakan kempen beli barangan Malaysia?

Yang kedua, apakah kerjasama yang didapati oleh Kementerian ini dengan Persatuan Pengguna kerana saya dapat tahu bahawa Persatuan Pengguna di dalam negara ini memainkan peranan yang penting untuk memberi tahu kepada rakyat bahawa ini barang baik dan barang itu tak baik?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.

Yassin: Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa falsafah ataupun rasional di sebalik kempen yang dijalankan dan dipelopori oleh Kerajaan. Kita telah mengkaji daripada beberapa hal semenjak dari dahulu sampai sekarang bahawa trend pengimportan barang-barang itu masih berlanjutan, sedangkan kita dapat bahawa perkembangan sektor perindustrian kita lebih baik ataupun lebih maju kalau dibandingkan dengan masa-masa yang lepas, Kita dapat menghasilkan banyak barang-barang yang bermutu walaupun banyak lagi barang yang perlu dipertingkatkan mutu dan nilai mereka tetapi kalau

tidak ada diambil satu langkah yang berkesan seperti kempen ini mungkin sikap masyarakat dan rakyat terhadap barang-barang dalam negeri itu masih begitu, bermakna dia masih mengagungkan ataupun masih memberikan keutamaan kepada barangan import walaupun merka sedar bahawa hasil yang dikeluarkan oleh kilang tempatan mencukupi ataupun setanding dengan hasil barangan yang dikeluarkan daripada luar negeri. Maka kita berpendapat mungkin elok dilancarkan kempen seperti ini untuk melibatkan semua lapisan masyarakat dari segi pengguna iaitu rakyat jelata dan juga dari segi industri, pekilang-pekilang dalam negeri perlu mengambil langkah-langkah untuk mengubah sikap dan pandangan masyarakat kepada hasil barangan keluaran mereka.

Jadi bermakna strategi ini adalah strategi yang menyeluruh dan menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memberikan kesan kepada kempen yang sedang pun dijalankan.

Memang tidak ada persoalan banyak daripada hasil yang kita sudah keluarkan itu termasuklah kereta Proton Saga umpamanya setanding dengan barang-barangan yang diimport daripada luar negeri.

Yang kedua, saya suka hendak memaklumkan bahawa semua pihak termasuk juga Persatuan Pengguna telah pun memberikan kerjasama yang erat kepada Jawatankuasa Pemandu Kempen ini untuk menjayakan kempen ini dan mereka sendiri telah pun mengambil langkah untuk memaklumkan kepada gabungan-gabungan kesatuannya untuk menjalankan usaha pencrangan dan juga usaha-usaha seminar dan gerak kerja yang lain bagi menyokong kempen ini dan saya percaya kalau sokongan positif ini diteruskan insya Allah kempen kita ini akan lebih berkesan lagi.

**SEKTOR KAYU-KAYAN—
PENYERTAAN BUMIPUTERA**

5. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menten Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah perkembangan penyertaan Bumiputera dalam semua aspek sektor kayu-kayan sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru dan nyatakan butir-butir pada 31hb Disember, 1984:

- (a) jumlah pengeksport yang didaftarkan dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB);
- (b) dari jumlah di atas (a), berapa banyakkah Syarikat Bumiputera dan syarikat Usahasama Bumiputera yang menjadi pengesport; dan
- (c) berapa peratuskah pencapaian dari segi eksport kayu gergaji yang dapat dilakukan oleh Syarikat Bumiputera.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya meminta izin menjawab bagi pihak Menteri Perusahaan Utama.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, penyertaan bumiputera dalam semua aspek sektor kayu-kayan amatlah menggalakkan. Di Semenanjung Malaysia, pada tahun 1984 sejumlah 621 permit dan lesen pembalakan adalah dimiliki oleh bumiputera. Kawasan pembalakan yang dimiliki oleh bumiputera ialah seluas 170,039 hektar atau 78.9% dan gunatenaga bumiputera yang terlibat dalam sektor pembalakan ialah 9,108 orang.

Dalam sektor perkilangan pada tahun 1984 bumiputera dan syarikat usahasama yang melibatkan bumiputera telah memiliki 296 buah

kilang papan dengan tenaga pekerja bumiputera di bidang ini berjumlah 15,755 orang.

Bagi kilang papanlapis dan venir, bumiputera dan syarikat usahasama yang melibatkan bumiputera telah mempunyai 26 buah dengan tenaga pekerja bumiputera dalam industri ini berjumlah 9,110 orang.

Dalam industri kayu kumai, sebanyak 149 buah kilang adalah dimiliki oleh bumiputera dan syarikat usahasama yang melibatkan bumiputera dan tenaga pekerja bumiputera dalam industri irii berjumlah 2,415 orang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan penyertaan bumiputera dalam sektor kayu kayan di Sarawak pada tahun 1984, bumiputera telah pun memiliki 37.2% dari segi ekuiti dalam bidang pembalakan dengan pekerja bumiputera di bidang ini berjumlah 10,499 orang.

Dalam industri kilang papan, bumiputera memiliki 11.9% dari segi ekuiti tenaga pekerja bumiputera berjumlah 2,899 orang.

Bagi kilang papanlapis, penyertaan bumiputera telah mencapai 64.4% dari segi ekuiti dan menggunakan tenaga pekerja bumiputera sebanyak 280 orang.

Manakala dalam industri kayu kumai, penyertaan bumiputera telah mencapai 11.5% dari segi ekuiti dan tenaga pekerja bumiputera yang terlibat ialah 483 orang.

Dalam sektor kayu-kayan di Sabah, pada tahun 1985 dalam bidang pembalakan terdapat 63 pemborong bumiputera dan tenaga pekerja bumiputera yang terlibat ialah 4,500 orang.

Kilang papan yang dimiliki oleh bumiputera ialah sebanyak 40 buah dengan tenaga pekerja bumiputera dalam industri ini berjumlah 2,500 orang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a) seterusnya dari Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, sehingga penghujung tahun ini (31-12-1984), sejumlah 660 buah syarikat pengeksport telah berdaftar dengan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.

(b) Dari jumlah di atas, sebanyak 163 buah adalah syarikat bumiputera dan 76 buah adalah syarikat usahasama bumiputera yang mempunyai ekuiti bumiputera sekurang-kurangnya 51%.

(c) Eksport kayu gergaji yang dilakukan oleh syarikat bumiputera pada tahun 1984 telah mencapai 11.7% atau sebanyak 214,399 meter padu.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan jumlah-jumlah bumiputera yang melibatkan diri dalam kilang papan, kilang papanlapis dan kilang kayu kumai. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau beliau mempunyai angka di sini, jumlah modal bumiputera yang terlibat dalam kilang-kilang yang disebutkan tadi.

Yang kedua, oleh kerana memandangkan kemelesetan ekonomi sekarang ini, adakah pihak Kementerian membuat kajian dan tinjauan untuk mengkaji kedudukan kilang-kilang yang disebutkan tadi yang dibuat oleh bumiputera dan adakah sebarang bentuk pertolongan ataupun bantuan yang dicadangkan oleh Kementerian untuk menolong

kilang-kilang yang berkenaan ini seraasa menghadapi krisis ekonomi sekarang ini?

Yang ketiga, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah terjadi kepada konsortium kilang papan bumiputera yang diura-urakan itu hendak ditubuhkan sama ada ianya hendak diteruskan ataupun tidak?

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat tidak ada butir-butir di sini, Yang Berhormat boleh minta notis.

Dato Sabbaruddin Chik: Saya pun baru hendak mengatakan begitu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

HUTANG LAPUK BANK BUMIPUTRA

6. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan amaun pinjaman-pinjaman yang masih tidak dijelaskan yang diberi oleh Bank Bumiputra kepada individu-individu dan syarikat-syarikat, mengumumkan nama peminjam-peminjam tersebut; nyatakan sama ada langkah-langkah sedang diambil untuk mendapat balik pinjaman-pinjaman tersebut dan sama ada bank tersebut telah hapuskira pinjaman-pinjaman tersebut sebagai "hutang-hutang lapuk".

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan butir-butir pinjaman mengenai akaun-akaun individu pelanggan-pelanggan bank tersebut kerana ianya menyalahi dan melanggar peraturan Seksyen 36 Akta Bank, 1973. Tambahan pula mungkin perhubungan baik antara bank ini dengan pelanggan-pelanggannya sama ada di dalam ataupun di luar negeri akan terjejas dengan pemberian maklumat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pinjaman-pinjaman yang belum dijelaskan, berbagai ikhtiar dan langkah telah dan sedang diambil oleh pihak Bank Bumiputra dalam usahanya untuk mendapatkan kembali pinjaman-pinjaman tersebut. Di antara langkah-langkah yang diambil termasuklah usaha-usaha untuk membawa mereka yang tidak menjelaskan pinjaman-pinjaman itu ke mahkamah.

Dr Chen Man Hin: Saya ada minta di sini amaun pinjaman-pinjaman yang masih tidak dijelaskan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, ada kurang fahaman agaknya dari Yang Berhormat dari Seremban. Saya katakan saya tidak boleh beri butir-butir pinjaman kerana ini melanggar Akta Rahsia ataupun mengikut Seksyen 36 Akta Bank, 1973.

Dr Chen Man Hin: Saya ingat itu berkenaan individu atau kepada syarikat tetapi amaun saya ingat itu boleh dijelaskan, itu tidak melanggar Akta itu dan lagi saya rasa Bank Bumiputra adalah bank rakyat dan apa-apa mesti mahu dikeluarkan atau dijelaskan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pertanyaan itu melibatkan angka, saya pohon notislah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sebutkan soalan tambahan, saya hendak ambil perhatian Tuan Yang di-Pertua sama ada unit air-con Parlimen sudah breakdown, sangat panas dan kalau tidak boleh diperbaiki, Yang Berhormat. Menteri Kerjaraya boleh siasat, bolehkah kita dikecualikan dari peraturan menggunakan coat. Saya rasa Yang di-Pertua pun sangat panas, susah untuk concentrate. Itulah yang pertama. Mungkin Yang Berhormat

Menteri Kerjaraya boleh efficient boleh memperbaiki unit ini, jangan mengganggu perjalanan Parlimen.

Soalan tambahan saya ialah sama ada benar bahawa jumlah bad loans Bank Bumiputra ialah melebihi \$1,000 juta dalam negara kita?

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan pertama tidak berkait, saya tidak benarkan jawab. Soalan kedua boleh, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mengganggu perjalanan, nanti Menteri jawab pun salah, panas! (*Ketawa*).

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya soalan ini lebih kurang sama dengan soalan Ahli dari Seremban. Oleh sebab melibatkan angka, saya tidak tahu angkanya maka saya pohon notis baru dapat daya bandingkan benar atau pun tidak.

PENYELEWENGAN PEKILANG PADI SWASTA

7. Tuan Abdul Rahman bin Suaiiman minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa pekilang-pekilang padi telah memotong berat padi secara tidak berpatutan dan tidak mengikut arahan sebenar Lembaga Padi dan Beras Negara. Jika sedar, apakah langkah-langkah baru yang lebih berkesan akan diambil oleh pihak Kementerian bagi menghindarkan penyelewengan seperti ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini ada menerima aduan tentang pekilang-pekilang padi swasta mengenakan potongan yang tinggi ke atas padi yang dijual oleh petani-petani kepada mereka. Walau bagaimanapun, setiap pembeli padi adalah tertakluk kepada panduan yang dikeluarkan oleh LPN di mana

setiap potongan yang dikenakan ke atas padi yang dijual oleh petani-petani hendaklah dimaklumkan kepada mereka dan tidak dibuat secara sewenang-wenang. Terpulanglah kepada petani-petani sama ada hendak menjual padi mereka kepada pekilang berkenaan pada kadar potongan yang dibuat ataupun menjual terus kepada pihak LPN.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar tentang perkara ini, adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengeluarkan lesen-lesen kepada agen-agen pembeli padi ini kepada Unit Pertubuhan Peladang kerana kalau dikeluarkan kepada Unit Pertubuhan Peladang di mana peladang-peladang sendiri menjadi ahli, sudah tentulah perkara-perkara seperti ini akan dapat dikurangkan. Jika ada, sejauh manakah tindakan-tindakan ke arah ini telah dijalankan oleh pihak Kementerian?

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh ditimbang.

BANGUNAN JABATAN PELAJARAN DAERAH JULAU

8. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan diambil ataupun akan diambil dengan kadar yang cepat untuk membina bangunan Jabatan Pelajaran Daerah Julau untuk menggantikan bangunan pejabat tersebut yang telah musnah terbakar sedikit masa dahulu.

Dato* Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak telah menempatkan kakitangan Pejabat Pelajaran Daerah Julau di Pejabat Majlis Daerah Meradong, Julau kerana Pejabat

tersebut telah terbakar. Pada masa ini Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak sedang menyiapkan laporan lengkap berkaitan dengan kejadian tersebut dan akan dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran untuk tindakan yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis tidak hadir).

PEMBIAYAAN SEMULA KREDIT EKSPORT

10. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapakah syarikat-syarikat pengeksport yang menikmati kemudahan Pembiayaan Semula Eksport;
- (b) nilai barangan yang dieksport oleh mereka; dan
- (c) apakah kemudahan ini didapati berkesan dari segi membantu para pengeksport menembusi pasaran-pasaran antarabangsa.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawabnya:

- (a) setakat akhir bulan September, 1985, sebanyak 544 buah syarikat pengeksport telah pun menikmati kemudahan pembiayaan semula kredit eksport;
- (b) sejak skim kemudahan pembiayaan semula kredit eksport diperkenalkan dalam tahun 1977 (post-shipment) dan juga 1979 (pre-shipment) jumlah eksport yang telah pun dibiayai di bawah skim ini sehingga akhir September 1985 adalah sebanyak \$9,806.4 juta, iaitu \$7,482.9 juta bagi

kemudahan post-shipment, dan \$2,323.5 juta bagi kemudahan pre-shipment; dan

- (c) objektif utama skim pembiayaan semula kredit eksport ini adalah untuk menggalakkan eksport barangan buatan Malaysia melalui penyediaan kemudahan kredit pada kadar faedah yang terpilih, dengan izin, preferential iaitu kadar-kadar faedah yang rendah berbanding dengan kadar faedah di pasaran, supaya pengesport-pengesport dapat bertanding dengan lebih berkesan di pasaran antarabangsa. Skim ini telah pun didapati berkesan dan juga telah berjaya membantu para pengesport menembusi pasaran-pasaran baru bagi beberapa jenis eksport, umpamanya eksport minyak kelapa sawit ke Burma, Yugoslavia, Dubai dan Mozambique, eksport koko ke Kenya, eksport barang-barang buatan berasaskan getah ke Papua New Guinea dan Chile, serta eksport papan lapis, perabut dan barang-barang kayu ke Iraq, Ireland dan juga Norway.

BAS PELANCONGAN MALAYSIA KE THAILAND

11. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bas-bas persiaran negara Thailand boleh masuk ke negara Malaysia dan ke mana-mana sahaja seluruh pelusuk negeri-negeri dalam Malaysia, tetapi bas-bas persiaran Malaysia boleh dibenarkan ke negara Thailand hanya setakat Haadyai sahaja; kenapa

kebenaran itu tidak selaras seperti diberi kepada mereka; dan

- (b) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk membolehkan bas-bas persiaran kita tidaklah dihadkan setakat Haadyai sahaja.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bas-bas pelancongan Malaysia dihadkan perjalanannya sehingga ke Haadyai sahaja manakala bas-bas pelancongan dari Thailand pula boleh masuk ke Malaysia seluruh pelusuk negeri-negeri dalam Malaysia.

Kemasukan bas-bas dari Malaysia ke Thailand dan dari Thailand ke Malaysia adalah ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dipersetujui oleh kedua-dua buah negara. Bas-bas pelancongan Malaysia yang berhajat pergi ke Thailand hendaklah memperolehi kebenaran dari Pihak Berkuasa Pengangkutan Darat yang berkenaan di negara itu.

Dalam hubungan ini, bas-bas pelancongan Thai jua perlu mendapatkan kebenaran dari Jabatan Pengangkutan Jalan di Malaysia sebelum mereka boleh dibenarkan masuk ke negara ini. Kebenaran yang diberikan itu adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan. Kelulusan tersebut adalah perlu untuk menentukan pengusaha-pengusaha yang terlibat mematuhi keperluan-keperluan insurans dan perlesenan. Pihak-pihak Berkuasa Pengangkutan Jalan di kedua-dua buah negara sentiasa bekerjasama antara satu dengan lain bagi memudahkan lagi perjalanan pelancongan dan jua untuk mencari jalan menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin timbul dari masa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua: Bas ekspres tidak menarik minat.

ROMBONGAN PELABURAN MENTERI PERDAGANGAN KE AMERIKA/CANADA

12. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kejayaan hasil lawatan Yang Berhormat mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian baru-baru ini ke seluruh Amerika Syarikat dan Canada dalam menarik pelaburan ke negara kita dan membantu memulihkan ekonomi negara yang kian merosot ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, lawatan saya ke Amerika Syarikat dan Canada iaitu daripada 20hb Ogos sehingga 6hb September, 1985 yang lalu ialah kerana mengetuai satu rombongan penggalakan pelancongan ke negara kita, terutama bagi menarik minat industri pelancongan di kedua-dua buah negara berkenaan menghadiri Persidangan PATA 1986 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan April tahun hadapan.

Saya telah mengambil kesempatan dari iawatan itu untuk menemui beberapa syarikat yang berminat untuk mengetahui lebih mendalam mengenai iklim pelaburan di negara kita iaitu di bandaraya-bandaraya Los Angeles, San Francisco, Chicago, Toronto dan New York. Mereka yang hadir di dalam perbincangan-perbincangan ini telah menunjukkan minat untuk melabur di dalam berbagai bidang industri seperti alat kelengkapan, perubatan, barangan getah, kejuruteraan, makanan, perabot dan bahan-bahan binaan.

Pertulah dijelaskan di sini hasil sesuatu rombongan galakan pelaburan tidak akan dapat diketahui serta merta. Ini adalah kerana bakal-bakal pelabur tentu mengambil masa

membuat kajian-kajian kemungkinan yang terperinci sebelum mereka membuat keputusan yang muktamad untuk melabur.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi tahu sama ada para pengusaha di Amerika Syarikat dan di Canada ada menunjukkan minat untuk melabur dalam bidang pelancongan di negara kita dan sekiranya ada maka apakah minat yang telah ditunjukkan oleh mereka dan agak bilakah mereka dapat melabur di sini?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana yang telah saya terangkan sekejap tadi dalam jawapan saya kepada soalan ini, mereka yang telah saya temui adakah golongan yang menunjukkan minat dalam melabur di lapangan membuat alat kelengkapan, perabot, kejuruteraan, makanan dan sebagainya dan mereka yang menemui saya itu tidak ada satu syarikat pun yang terlibat dalam perusahaan pelancongan. Tetapi semasa saya mengadakan perjumpaan-perjumpaan di bawah anjuran PATA ini saya telah sempat berjumpa dengan beberapa pemodal yang memang menunjuk minat untuk menyertai sama dalam perusahaan pelancongan di tanahair kita.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri sama ada dalam lawatan tersebut beliau ada juga berjumpa dengan pihak Kerajaan kedua-dua negara terutamanya di Amerika dan sama ada soal nasib industri elektronik dan juga textile di negara kita yang menghadapi masalah sekatan duti, masalah pemasaran di negara Amerika khususnya dibincangkan juga?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatur perjumpaan dengan pihak Kerajaan Amerika Syarikat dalam lawatan saya yang lepas kerana lawatan itu sebagaimana saya sebutkan tadi adalah tertumpu kepada urusan menggalakkan pelancongan ke negara kita dan juga menarik lebih ramai para mereka yang terlibat dalam usaha pelancongan ke Persidangan PATA tahun depan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolchkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini apakah persoalan-persoalan yang biasanya dibangkitkan oleh para pelabur luar negeri?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada syarikat-syarikat yang berkenaan dan juga pengalaman-pengalaman yang saya percaya dialami oleh mereka di tempat-tempat yang lain. Mereka sudah tentu mengetahui apakah kemudahan yang ditawarkan oleh negara kita dan juga galakan-galakan insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan kita. Biasanya mereka menemui kita dalam perjumpaan kita di luar negeri ataupun di dalam negeri, mereka bertanya apakah jaminan-jaminan terhadap pelaburan mereka dalam negeri ini dan apakah galakan yang berbentuk lepasan cukai dan sebagainya yang boleh dinikmati oleh mana-mana syarikat yang akan menanam modal di negara kita dan apakah syarat-syarat yang lain yang biasanya dikenakan oleh kita, sama ada menerusi undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang berjalan kuatkuasa sekarang ini.

Selain daripada itu mereka juga bertanya mengenai keadaan politik, keadaan ekonomi dan kewangan yang barangkali menyentuh kedudukan pelaburan di negara kita. Pendek kata, semua perkara umum biasanya disentuh oleh pihak pelabur yang

menemui dengan kita dan ini bergantung kepada persoalan-persoalan yang berbangkit di setiap perjumpaan yang dianjurkan itu. Ada juga soal-soal yang kita selalu dengar dalam negara kita, mengenai gerakan-gerakan yang dijalankan oleh golongan-golongan pelampau (extremists), golongan-golongan yang suka memburuk-burukkan Kerajaan sama ada dalam negeri ataupun luar negeri yang telah menimbulkan kekeliruan di kalangan pelabur-pelabur yang ada di luar negeri. Kadang kala apa yang dicakapkan oleh pihak Pembangkang juga diberi perhatian oleh pihak luar kerana kadang kalanya suara-suara yang dibuat seperti ini memburukkan juga imej pelaburan di negara kita yang terpaksa diperbetulkan oleh kita semasa kita menemui mereka.

Banyak lagi perkara, soal keselamatan di dalam negara juga dibangkitkan oleh pihak pelabur. Pendek kata, semua perkara dibangkit tetapi lain syarikat bertanya lain soalan dan ini semuanya menjadi kewajipan bagi kita menerangkan kepada mereka supaya mereka memahami keadaan sebenarnya yang berlaku di negara kita ini.

NASKHAH SAHIIH UNDANG-UNDANG DALAM BAHASA MALAYSIA

13. Tuan Wan Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang semua naskhah sahiih undang-undang yang dibuat sebelum 1hb September, 1967 ditukarkan kepada Bahasa Malaysia sebagai naskhah sahiihnya. Kalau ya, bila akan dilakukan, kalau tidak, mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang Kerajaan belum bercadang

untuk menjadikan naskhah Bahasa Malaysia bagi undang-undang yang dibuat sebelum 1hb September, 1967 sebagai naskhah sah oleh kerana tidak semua daripada undang-undang tersebut telah diterjemahkan. Di samping itu undang-undang tersebut yang telah diterjemahkan itu pula ada yang didapati tidak sesuai untuk dipakai kerana istilah-istilah dan bahasa yang telah dipakai di dalam terjemahan tersebut telah pun berubah. Terjemahan kepada undang-undang terpaksa disemak semula untuk disesuaikan dengan bahasa dan istilah-istilah yang digunakan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

[Soalan No. 14 Y.B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

[Soalan No. 15 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir]

KADAR ELEKTRIK— PENURUNAN

16. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab mengapa kadar elektrik telah dikurangkan untuk Semenanjung Malaysia dan bukan bagi negeri Sabah; apakah ini akan bermakna penduduk-penduduk Sabah tidak harus menikmati faedah-faedah yang sama sebagai rakyat Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum penurunan kadar tarif baru-baru ini hanyalah melibatkan pengguna-pengguna Lembaga Letrik Negara Semenanjung Malaysia sahaja. Penurunan kadar ini telah dapat

dilaksanakan oleh LLN-berikutan dari beberapa faktor yang telah berlaku seperti harga bahan bakar minyak yang telah berkurangan harganya semenjak tahun 1983. Di samping itu juga purata keseluruhan harga bahan bakar dijangka akan menurun akibat dari penggunaan gas dan peningkatan kegunaan hydro bagi menggantikan minyak dalam sistem penjana tenaga Lembaga Letrik Negara serta beberapa faktor yang lain.

Berbeza pula dengan keadaannya di negeri Sabah di mana kos penjana tenaga elektrik oleh LLS adalah lebih tinggi terutamanya dari segi kos sistem penghantaran dan pembahagian jika dibandingkan dengan kos-kos yang terdapat di LLN. Dengan yang demikian pengurangan harga minyak yang berlaku itu telah tidak mendatangkan kesan yang banyak dari segi kos penjana elektrik oleh LLS. Walau bagaimanapun LLS sedang berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan kos penjanaannya supaya kadar tarifnya dapat diperturunkan di masa-masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. Govindaraj.

[Soalan No. 17 Y.B. Tuan V. Govindaraj tidak hadir]

KEJATUHAN HARGA KELAPA

18. **Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Menteri Pertanian menerangkan adakah beliau sedar akan kejatuhan harga kelapa yang sangat teruk sekarang ini yang mana pekebun-pekebun kecil kelapa hanya mendapat dua sen bagi sebiji kelapa, jika beliau sedar apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian supaya kehidupan dan pendapatan pekebun kecil kelapa seluruh negara mendapat perhatian dan pembelaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan yang seakan-akan sama dengan soalan Yang Berhormat dari Sabak Bernam pada 31hb Oktober, 1985 yang lalu. Oleh itu saya tiada apa-apa tambahan kepada soalan ini lagi.

PENGEDAR DADAH—HUKUMAN

19. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan semenjak penguatkuasaan Akta Dadah Berbahaya, berapakah pengedar dadah yang disyaki telah pun ditangkap dan di antara mereka ini, berapa telah ataupun akan didakwa di bawah:

- (a) Seksyen 39B yang membawa hukuman mati; "mandatory"; dan
- (b) Seksyen 39A yang membawa hukuman penjara seumur hidup.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, semenjak pindaan Akta Dadah Berbahaya 30/52 pada 15hb April, 1983 sehingga 30hb September, 1985 seramai 1,158 orang pengedar dadah yang disyaki telah ditangkap oleh pihak Polis. Daripada jumlah ini seramai:

- (a) 982 orang telah dituduh di bawah Seksyen 39B yang membawa hukuman mati "mandatory". Daripada 982 orang ini seramai—
 - 11 orang telah dijatuhkan hukuman gantung;
 - 14 orang telah dibebaskan oleh Mahkamah atas sebab-sebab kekurangan keterangan;
 - dan 957 orang masih menunggu perbicaraan.
- (b) Seramai 479 orang telah ditangkap di bawah Seksyen 39A Akta tersebut. Daripada jumlah ini 463 orang telah

dituduh dan 11 orang telah dibebaskan oleh Mahkamah kerana kekurangan keterangan. Setakat ini hanya 5 orang sahaja telah dijatuhkan hukuman penjara. Seramai 447 orang masih menunggu perbicaraan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi mereka yang datang dari negara asing yang didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 39A ataupun 39B sampai sekarang berapa orang telah ditahan di penjara dan bagi mereka yang telah didapati bersalah adakah Kerajaan negara mereka sendiri menggunakan tekanan ke atas negara kita.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis untuk menjawab tentang bilangan warganegara asing yang telah ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya negara kita.

Untuk menjawab soalan yang kedua, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa Akta Dadah Berbahaya 1952 yang telah dipinda beberapa kali dikuatkuasakan di negara kita ini tidak mengambil kira sesiapa yang ditangkap. Seseorang itu akan dihadapkan ke mahkamah walaupun seorang itu bukan warganegara Malaysia dan tidak ada usaha yang akan dilayan oleh Kerajaan kita dari negara-negara asing untuk meminta bagi meringankan ataupun mengembalikan balik mereka yang telah ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya di negara kita.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu bilangan orang-orang yang ditangkap ini ramai nampaknya 1,158. Tetapi orang yang telah dibicarakan tidak begitu ramai; terlalu ramai orang-

orang yang ditangkap yang belum dibicarakan dan kes-kes yang belum diselesaikan.

Saya hendak mendapat tahu mengapa keadaan yang semacam ini boleh berlaku; di mana masalahnya. Adakah masalahnya kerana didapati kemungkinannya bukti-bukti tidak cukup, pihak Polis sedang menyiasat ataupun masalah di mahkamah. Mahkamah tidak mampu hendak handle, dengan izin, lebih banyak lagi kes-kes yang semacam ini. Terima kasih.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiap-tiap satu kes yang dibicarakan di mahkamah akan mengambil masa, apatah lagi apabila kes itu akan membawa hukuman yang berat seperti hukuman mati "mandatory" kepada yang dituduh. Walaupun diakui terdapat banyak kes-kes yang masih menunggu untuk dibicarakan, namun demikian pihak Kerajaan sedang berusaha untuk mempercepatkan proses perbicaraan di mahkamah-mahkamah seperti menambah bilangan Hakim, insya Allah. Dan juga kita minta kerjasama daripada pihak-pihak yang berkenaan seperti peguam dan lain-lain untuk kita membicarakan kes-kes ini dengan secepat mungkin dan mendapatkan keputusan dengan secepat mungkin.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri daripada jawapan beliau tadi sebanyak 1,158 orang telah ditangkap, di dakwa dan sebagainya. Saya ingin tahu daripada kebanyakan mereka itu terdiri daripada golongan jenis manusia apa, sama ada jenis jutawan atau peguam sebagai yang kita baru-baru ini dapat ditangkap di Nassau, Bahamas seorang peguam mengedar dadah. Jadi, di Malaysia ini adakah gotongan yang mengedarkan dadah ini

terdiri daripada jutawan, doktor, lawyer dan sebagainya.

Yang kedua, saya ingin tahu apakah sebenarnya motif dadah yang begitu hebat melanda negara kita sehingga telah dianggap oleh Kerajaan musuh yang paling utama. Adakah dadah ini dilakukan oleh tekanan komunis dengan sebab dia hendak mengambil negeri ini dengan cara military atau dengan menggunakan senjata tidak dapat, tetapi dengan menggunakan dadah sehingga tentera-tentera dan belia-belia Melayu kita terlalu banyak terlibat dengan dadah. Apakah motifnya. Ataupun motifnya hendak cari untung yang berlipat ganda dari segi wang kerana untuk mengedar dadah, kalau dia terlepas dia akan untung beribu-ribu ringgit. Jadi saya harap dapat Timbalan Menteri menerangkan dengan sebenar-benarnya.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa angka 1,158 yang saya sebutkan tadi adalah angka mereka yang ditangkap kerana memiliki dadah melebihi had yang ditentukan di bawah Seksyen 39B, yang bermakna jika mereka didakwa dan didapati salah, mereka akan dihukum gantung "mandatory". Ini tidak termasuk 479 orang yang memiliki dadah kurang daripada 15 gm dan juga tidak termasuk mereka yang memiliki dadah yang sedikit-sedikit. Jikalau saya diminta menyebut angka, angka ini akan naik daripada 1,158. 1,158 adalah angka mereka yang ditangkap memiliki dadah lebih daripada 15 gm heroin, morphine dan 200 gm ganja. Tentang jenis-jenis mereka ini tidak dapatlah saya hendak menjawab dengan cara tepat sebab terutama sekali mereka ini kebanyakannya masih lagi menunggu perbicaraan. Jadi sebelum mereka didapati salah, kita tidak bolehlah membuat pengumuman bahawa sekumpulan jenis begini yang terlibat dalam pengedaran dadah di negara ini.

Tentang soalan yang kedua, saya telah pun menjawab di dalam Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada bukti setakat ini yang mana pihak komunis mencuba melalui dadah untuk merampas kuasa dengan cara yang lebih licin lagi di negara kita. Walau bagaimanapun, saya inginlah menjelaskan di sini bahawa adalah menjadi dasar dan matlamat kita untuk menghapuskan ancaman dadah, biarpun dia datang dari negeri luar, dalam negeri ataupun daripada pihak komunis sekali pun.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan telah memberitahu kepada Dewan ini bahawa banyak orang telah ditangkap dan dituduh di bawah Akta Dadah Berbahaya. Yang ingin saya tahu ialah sama ada Akta yang keras dengan hukuman yang berat ini telah berjaya dan berkesan untuk mengurangkan babak dadah ataupun tidak. Jika angka-angka tidak terdapat, bolehkah Yang Berhormat memberi satu gambaran secara am sahaja.

Dato' Radzi Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, satu Akta itu tidak boleh memberi kesan yang begitu tepat, terutama sekali dalam usaha kita memerangi wabak dadah ini. Sepertimana yang kita semua maklum bahawa ancaman dadah ini diisytiharkan sebagai ancaman kepada negara semenjak dua tahun dahulu. Dan dalam usaha kita memerangi wabak dadah ini perlulah kita mendapat penglibatan daripada masyarakat umum selain daripada kita mengadakan undang-undang yang tertentu, seperti salah satu daripadanya ialah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan sepertimana juga Yang Berhormat sedia maklum kita telah pun mewujudkan satu Akta baru iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Jadi kita berharaplah dengan

usaha menyeluruh dan terdapatnya undang-undang yang begitu kuat, usaha kita ini akan berjaya kelak.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa jumlah mereka yang ditangkap di bawah Seksyen 39B ialah 1,158 orang. Saya ingin tahu berapa ramai jika dikira nisbah di antara rakyat asing dengan rakyat Malaysia daripada jumlah yang tersebut. Berapa ramai rakyat asing, berapa ramai rakyat Malaysia.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis bagi menjawab soalan ini dengan tepat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 20 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir)

SALURAN PAIP GAS ASLI KE BANDAR SARAWAK

21. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memasang saluran paip untuk membekalkan bandar-bandar besar Sarawak dengan gas asli daripada Medan yang Kaya dengan gas di Bintulu bagi tujuan kegunaan domestik dan perusahaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini gas asli telah disalurkan ke pantai negeri Sarawak di Miri dan juga di Bintulu. Daerah Miri telah pun mendapat bekalan gas bagi kegunaan sektor-sektor perumahan dan industri jenis ringan serta bahanapi untuk penjanaan kuasa oleh Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak

(SESCO) sejak dua puluh tahun dahulu. Oleh kerana permintaan bagi sumber tersebut telah pun bertambah, PETRONAS pada masa ini sedang mengkaji keupayaan dan rangkaian sistem saluran paip gas yang sedia ada di kawasan Miri dan juga Lutong untuk diperkembangkan lagi di masa akan datang.

PETRONAS juga sedang mengkaji keupayaan sistem bekalan gas luar pantai di kawasan Baram Delta bagi membekal gas ke Miri dalam jangka masa panjang. Di samping digunakan sebagai bahan utama bagi loji Malaysia Liquefied Natural Gas (MLNG) dan ASEAN Bintulu Fertilizer (ABF), gas asli di Bintulu juga digunakan sebagai bahanpi stesen janakuasa SESCO. PETRONAS juga sedang mengkaji kemungkinan untuk memperkembangkan bekalan gas ke sektor-sektor perumahan dan industri ringan di kawasan tersebut. Oleh kerana untuk mengadakan sistem saluran dan pengedaran gas dan penglibatan bekalan gas secara jangkamasa yang panjang melibatkan pelaburan yang amat besar, maka setiap projek pengedaran gas melalui paip yang dicadangkan perlulah dikaji dan dinilai dengan teliti.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ulangi. Tuan Peter Chin Gan Oon.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya berdebar-debar juga tadi. Sila.

ASEAN—PERJANJIAN EKONOMIK

2. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kemungkinan untuk mengadakan perjanjian ekonomi dengan negara-negara ASEAN yang

lain seperti EEC bagi negara-negara Eropah jikalau negara-negara ASEAN akan mengambil kesempatan negara ASEAN yang digabungkan demi membeli kuasa.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, ASEAN ialah satu badan kerjasama dan bukan satu kesatuan. Oleh yang demikian cadangan untuk mengadakan satu bahasa pengantar, satu ibu negeri mengeluarkan passport ataupun matawang bersama tidak timbul pada masa ini. Sebagai badan kerjasama antara negara-negara yang setaraf, ASEAN telah mengambil beberapa langkah yang mendatangkan faedah bersama seperti menghapuskan keperluan visa bagi negaranya masing-masing dan juga bagi melawat negara-negara anggota dan mengiktirafkan lesen-lesen memandu yang dikeluarkan oleh negara-negara ASEAN.

Langkah-langkah ini adalah untuk membolehkan kerjasama ekonomi antara ASEAN diperkukuhkan lagi dimasa hadapan. ASEAN juga tidak mempunyai apa-apa rancangan bagi mengadakan ketenteraan kerana ia adalah badan kerjasama ekonomi. Matlamat ASEAN ialah untuk mengadakan pembangunan dan kemakmuran bagi rakyat masing-masing, dengan jalan ini masyarakat ASEAN dapat disetabilkan. Kesetabilan itu pula akan menjadi landasan keamanan di Tenggara Asia.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9, 14, 15, 17 dan 20 adalah diberi di bawah ini]

PAMERAN BAHAN SEJARAH MUZIUM

9. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) di sepanjang tahun 1983, 1984 dan hingga Jun, 1985, berapa banyakkah tempat-tempat yang telah dilawati oleh Muzium Negara bagi mengadakan pameran bahan-bahan sejarah Muzium tersebut kepada orang ramai; dan
- (b) mengapakah pihak Muzium negara masih lagi sangat kurang membuat pameran melalui Muzium Bergerak ke kawasan-kawasan luar bandar,

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Tujuan penubuhan Unit Muzium Bergerak ialah untuk memberi peluang kepada orang ramai amnya dan murid-murid sekolah khususnya yang tidak dapat datang menyaksikan pameran-pameran yang ada di Muzium Negara. Jadi dengan adanya Muzium Bergerak ini sekurang-kurangnya mereka dapat melihat sebahagian daripada barang-barang yang ada dipamerkan di Muzium Negara. Tujuan keduanya pula ialah untuk menambahkan pengetahuan orang ramai dan murid-murid sekolah di seluruh Semenanjung terutamanya tentang warisan sejarah dan alam semulajadi mereka. Unit ini telah ditubuhkan dengan rasminya pada tahun 1976 dengan hanya sebuah bas dan kemudiannya ditubuhkan unit kedua pada tahun 1984. Dalam tahun 1983, unit ini tidak berjalan kerana kekurangan peruntukan. Walau

bagaimanapun, di sepanjang tahun berikutnya (tahun 1984) unit ini telah dapat mengadakan lawatan dan pameran di 100 buah tempat dan dalam tahun 1985 iaitu sehingga bulan Jun lalu, unit ini telah mengadakan lawatan serta mengadakan pameran ke 31 buah tempat.

- (b) Sememangnya Muzium Bergerak ditubuhkan dengan tujuan untuk mendedahkan atau mempamerkan Warisan Sejarah alam semulajadi kepada kawasan di luar bandar. Sejak unit ini ditubuhkan jumlah lawatan telah bertambah dari tahun ke tahun, tetapi mulai tahun 1983, bilangan tempat-tempat yang dilawati terpaksa dikurangkan oleh kerana tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi.

PEPERIKSAAN STPM— MATAPELAJARAN SAINS BERCAMPUR SASTERA

14. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membetulkan kedudukan pelajar-pelajar Tingkatan Enam yang sedang mengikuti dan akan mengambil mata pelajaran-mata pelajaran Sains bercampur Sastera dalam peperiksaan STPM supaya peluang kemasukan mereka ke universiti-universiti tempatan nanti tidak akan terjejas dan dimudaratkan.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Sebenarnya pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Sains bercampur Sastera tidak terhalang dari memasuki universiti-universiti tempatan. Memang ada pelajar-pelajar yang berkelulusan seperti jini yang telah diambil masuk ke universiti-universiti. Apa yang berlaku sekarang ialah pelajar-pelajar

menghadapi persaingan yang hebat daripada pemohon-pemohon lain yang mempunyai kelulusan yang khusus dalam sains atau sastera. Adalah tidak benar tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran dalam hal ini.

BEKALAN AIR— KAWALAN TENTERA ASING DI JOHOR

15. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar atau tidak punca bekalan air di negeri Johor dikawal oleh askar-askar asing. Kalau benar, apakah sebabnya. Mengapa Pasukan Keselamatan kita tidak diberi tugas untuk mengawalinya.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Adalah tidak benar punca bekalan air atau loji-loji tapisan air di negeri Johor di kawal oleh askar-askar asing. Pihak Public Utilities Board Singapore yang membekalkan air ke Johor Bahru dan Singapore mempunyai 5 buah loji air di negeri Johor dan semenjak 13hb Mei, 1969,4 daripada loji-loji tersebut adalah dikawal oleh anggota-anggota dari Pasukan Simpanan Tentera Darat Malaysia (PSTD) oleh kerana loji-loji itu termasuk dalam Keutamaan I, senarai sasaran penting. Loji-loji yang ke 5, (tapisan air JKR Johor) tidak dikawal oleh sebab diiktirafkan sebagai Keutamaan III dalam sasaran penting.

SKIM TABUNG PELABURAN BARU (NIF)

17. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada wang satu bilion yang diluluskan untuk skim Tabung Pelaburan Baru (NIF), akan diberikan kepada semua kaum secara adit, supaya skim ini akan memperbaiki kedudukan Ekonomi Negara kita secara positif.

Dato' Sabbaruddin Chik: Skim Tabung Pelaburan Baru berjumlah \$1 bilion adalah bertujuan untuk menyaludkan modal pada kos yang berpatutan bagi membiayai kegiatan yang produktif khususnya dalam sektor pembuatan, pertanian dan pelancungan. Skim ini adalah untuk faedah semua golongan rakyat dalam negara ini.

KAPAL TANGKI MALAYSIA

20. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan kapal tangki yang:
 - (i) dimiliki oleh Malaysia;
 - (ii) dioperasi dengan sepenuhnya;
 - (iii) dilabuhkan di dermaga dengan begitu sahaja; dan
 - (iv) akan dipesan (jika ada);
- (b) bilangan kontrak yang dibuat di antara pihak Kerajaan Malaysia dengan negara asing dan nitai setiap kontrak dan tan metrik gas asli cair serta negara asing yang terlibat;
- (c) jumlah dalam tan metrik dan juga nilai dalam sebutan wang ringgit Malaysia yang diperolehi dari pengeksportan gas asli cecair setiap pelabuhan dalam negara dari tahun 1980 sehingga bulan September, 1985;
- (d) bilangan kos:
 - (i) pelaburan yang telah dan akan dilaburkan ke dalam pembelian lebih banyak kapal tangki; dan
 - (ii) kos pengendalian dan butir setiap perbelanjaan yang terlibat dalam mengendalikan kapal-kapal tangki yang tersedia ada; dan

- (e) jenis komoditi serta nilai muatan dalam sebutan berat metrik dan matawang ringgit Malaysia yang mungkin juga dikendalikan oleh setiap pelabuhan dalam negara dan kapal tangki.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di
Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr
James P. Ongkili):**

- (a) (i) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia memiliki 14 buah kapal tangki yang dipunyai oleh:

Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC)

— 11 buah kapal tangki di mana:

6 digunakan mengangkut pukal cair (kimia, cecair mentah dan hasilan),

5 digunakan mengangkut gas asli cecair (LNG).

Perbadanan Nasional Shipping Line Bhd. (PNSL)

— 3 buah kapal tangki yang digunakan bagi mengangkut minyak mentah dan gas petroleum cecair (LPG).

- (ii) Sehingga kini kesemua kapal tangki sedang beroperasi dengan

spenuhnya kecuali sebuah kapal pengangkut gas cecair milikan MISC.

- (iii) Hanya sebuah kapal tangki belum beroperasi. Ianya kapal pengangkut gas asli cecair yang disimpan sementara di Stavanger, Norway, dan dijadualkan memulakan operasi pada pertengahan tahun 1986.

- (iv) Pada masa ini kedua-dua MISC dan PNSL tidak bercadang memesan/menambah bilangan kapal tangki.

- (b) Kerajaan Malaysia tidak mempunyai sebarang kontrak untuk menjual gas asli cecair (LNG) kepada negara asing. Walau bagaimanapun, syarikat Malaysia LNG Sdn. Bhd., iaitu sebuah anak syarikat PETRONAS, sekarang ini mempunyai kontrak-kontrak untuk membekal 4 juta tan metrik LNG kepada syarikat Tokyo Electric dan 2 juta tan metrik kepada syarikat Tokyo Gas sehingga tahun 2003.

- (c) Eksport LNG Malaysia hanya bermula pada bulan Januari, 1983. LNG hanya dieksport dari Pelabuhan Bintulu yang terletak berhampiran dengan Loji MLNG. Pecahan jumlah dan nilai tahunan eksport LNG Malaysia ke negara Jepun sehingga bulan September, 1985 adalah seperti berikut:

<i>Tempoh</i>	<i>Jumlah Isipadu</i>	<i>Jumlah Nilai</i>
(Tahun Kewangan Berakhir 31hb Mac)		
Tahun Kewangan 1983/84	1.8 juta tan metrik	\$1,129 ribu juta
Tahun Kewangan 1984/85	3.9 juta tan metrik	\$2,418 ribu juta
Tahun Kewangan 1985/86	2.1 juta tan metrik	\$1,293 ribu juta

- (d) (i) Kos pembelian kapal-kapal itu bagi MISC berjumlah \$2,631.79 juta dan bagi PNSL berjumlah \$88.49 juta.
- (ii) Kos pengendalian kapal tangki adalah berbedabeda mengikut penggunaannya. Kos pengendalian kelima-lima buah kapal pengangkut juta asli cecair milik MISC berjumlah M\$69 juta setahun dan kos pengendalian keenam-enam buah kapal tangkinya yang lain pula berjumlah M\$11.1 juta setahun. Manakala kos pengendalian ketiga-tiga buah kapal tangki milik PNSL adalah dalam lingkungan M\$16.52 juta setahun.

- (e) Terdapat 4 kategori komoditi yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan dalam negara iaitu kargo cecair, kargo kering pukal, kargo am dan kontena. Jumlah berat metrik muatan komoditi-komoditi yang dikehdalikan oleh pelabuhan iaitu adalah bagi:

kargo cecair sebanyak 11,139,925 dwt,
 kargo kering pukal sebanyak 3,676,922 dwt,
 kargo am sebanyak 19,947 dwt,
 dan
 kontena sebanyak 5,935,001 dwt.

Maklumat tepat mengenai nilai matawang ringgit Malaysia yang terlibat dalam pengendalian kargo di pelabuhan-pelabuhan ini tidak dapat di perolehi dalam jangkamasa yang singkat. Sekiranya Ahli Yang Berhormat masih perlu

maklumat ini, bolehlah saya memberinya secara bertulis kelak.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (1hb November, 1985).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawtankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan

jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (1hb November, 1985).

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Nerus, sila sambung ucapan.

3.36 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, sambungan ucapan saya di hari Jumaat yang lalu iaitu satu pengesyoran saya ataupun cadangan saya kepada pihak Kerajaan supaya di bandaraya-bandaraya seperti bandar ibu kota yang sentiasa sebok dengan kenderaan-kenderaan yang sentiasa bertambah supaya Kerajaan mengadakan jalan-jalan di one-waykan iaitu tiap-tiap pelusuk jalan sejauh 8 kilometer ataupun 6 batu tiap-tiap pelusuk jalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Baru mereka menegur kita kerana bahasa. Saya pun dengar "di one-waykan" itu, saya rasa pelek sedikit. Sila Yang Berhormat.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, di one-waykan ertinya dibuat jalan tiap-tiap jalan itu one-way. [Ketawa]. Jadi ringkasnya di one-waykan.

Hari ini di mana-mana bandar didapati dengan bertambahnya rakyat dan bertambahnya kenderaan. Sekiranya bagi pihak Kerajaan tidak memikirkan untuk di one-waykan sebagaimana apa yang saya sebut, makin sehari "makin ketat dan makin sehari makin bertambah kenderaan akan menjadi kesulitan yang besar apabila bertambah masa ataupun sepanjang tahun. Kalau dibandingkan di bandar Kuala Lumpur semasa tiga

tahun yang lalu dengan sekarang amatlah jauh berbeza kesesakan dan sebagainya. Dengan yang demikian, bagaimanakah gambaran kita apabila 10 tahun lagi atau 15 tahun lagi, dengan itu cara membanyakkan jalan ataupun me "one-waykan"kan jalan ini adalah salah satu untuk melegakan bandar-bandar dan untuk membuat sesuatu jangka panjang supaya tidak menjadi bebanan yang teruk di satu masa yang akan datang.

Rumah-rumah, bangunan-bangunan yang sedang dibangunkan, sekiranya rumah-rumah batu mencakar langit dibina di sana sini di dalam bandar, tentu sekali satu masa apabila hendak diperbesarkan jalan ataupun hendak dibanyakkan jalan tentu sekali menjadi masalah besar iaitu kena roboh itu, ataupun apa cara yang agak sulit benar. Maka dengan yang demikian, sebelum daripada hujan menimpa kuat, lebih baik disediakan parit-paritnya dahulu agar supaya tidak menjadi bah atau banjir manusia yang agak susah kita hendak kawal di satu masa nanti.

Boleh kita meniru sebagaimana cara-cara orang Amerika. Orang-orang Amerika sebelum dibina sesuatu binaan ataupun satu perkampungan ataupun bandar baru belum ada apa-apa lagi, jalan disiapkan dahulu—jalan dibina dahulu. Kita di sini tidak. Kita buat bangunan-bangunan dahulu apabila sampai masa terpaksa kena pecah-pecahkan sebagaimana yang kita tengok di sana sini di negara kita, gali di situ, gali di sini; tutup di situ, gali di sini. Jadi ini kesemuanya, rasa saya daripada satu-satu rancangan itu dibuat tidak difikirkan jangka panjang.

Selain daripada itu apabila binaan-binaan jalan yang kita akan binakan tentu sekali akan terlibat bangunan-bangunan orang, rumah-rumah orang, dengan demikian selalu kita terjadi di dalam negara kita ini apabila sahaja

Kerajaan hendak mengambil tanah orang, diberi notis dan dibayar pampasan dan sebagainya tetapi tidak ditentukan di manakah orang itu akan duduk, tidak kita tentukan.

Sepatutnya sebelum kita membuat pembayaran rumah si pulan, bengkel si pulan yang bakal kita akan ambil hendaklah kita sediakan dahulu di manakah arah kita akan tunjukkan mereka akan tinggal atau akan berpindah. Ini menjadi kesulitan yang amat sangat, khasnya bagi bumiputera. Apabila sahaja pembayar dibayar maka mereka pun merasa asyik dengan wang sebanyak ratus-ratus ribu. Jahil pula mereka dalam segi pentadbir hendak mentadbirkan wangnya itu, maka wang pun habis, tempat tinggal pun tidak ada. Dengan demikian, bagi yang munasabah mendapat rumah-rumah kos rendah ataupun kos tinggi ataupun kos sederhana bagi mereka yang dikenakan pindah yang kita hendak ambil tanah mereka dengan sendiri kita beri tahu, tuan akan dipindahkan ke rumah sini, harganya sekian dan tuan terpaksa pindah haribulan sekian dan anak kunci ini dia. Berapa banyak rakyat Malaysia, orang-orang kampung yang telah Kerajaan ambil tanahnya untuk sebarang pembinaan rumah-rumah ataupun pembinaan jalan, mereka tidak tahu ke mana hendak tuju, ke mana hendak dibeli, lebih-lebih lagi apabila dia pegang wang saudara maranya dapat tahu mereka ada wang banyak ratusan ribu orang ini datang pinjam, orang ini datang pinjam, orang ini datang pinjam wangnya habis. Ini berlaku keadaan sekarang. Dengan demikian, dalam perkara ini saya rasa elok sangat sekiranya Kerajaan memberi dua saluran pertolongan secara menolong mereka ini.

Satu, dalam menyediakan tempat tinggal sebelum mereka berpindah sebagaimana dibuat di Singapura.

Singapura, berapa banyak rumah-rumah orang Melayu di Gelang Serai dan Di Changi dan sebagainya, apabila sahaja Kerajaan ambil tanahnya atau rumah yang hendak dirobohkan maka ditentukan tuan akan pindah di sini dan diberi kunci. Apabila disuruh pindah tempat sudah ada. Tetapi kita di sini tidak buat begitu. Kita hantar surat suruh pindah tetapi ke mana orang mahu pindah, ia tak ia rumah sewa. Maka dengan demikian, inilah saya mencadangkan supaya Kerajaan menolong dalam perkara ini.

Yang kedua, dalam mengenai tolong mentadbirkan wang pampasan yang kita bayar itu. Apabila angka wang yang kita bayar itu banyak ratus-ratus ribu misalnya, berapa banyak orang-orang kampung wang yang beratus-ratus ribu yang kita berikan itu, akhirnya hilang begitu sahaja dipinjam oleh orang, diberi hutang kepada orang, hilang, raib begitu sahaja. Dengan demikian, elok sangat bagi pihak Kerajaan wang yang kita hendak bayar ratus-ratus ribu itu maka kita tolong masukkan dia kepada mana-mana saham amanah, cuma kita beri wang kepadanya untuk keperluan yang dikehendakinya pada ketika itu. Misalnya, untuk hendak membuat rumah dua, tiga atau empat puluh ribu kita beri wang untuk buat rumah itu, yang bakinya lagi enam puluh ribu atau tujuh puluh ribu itu kita tolong dia simpankan di mana-mana amanah saham. Tetapi kalau kita syorkan, baik tuan simpankan duit ini; cara mengesyorkan begitu memang kadang-kadang tidak diberi oleh pihaknya, tetapi kita menolong secara agar seakan-akan paksa tetapi bukan paksa. Kita menolong siapa, tolong masukkan cuma beri buku kepadanya ataupun diberi resit kepadanya maka ini saya rasa adalah lebih baik, lebih menolong dan lebih memberi manfaat terhadap mereka yang terlibat.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan hari pembentangan tempoh hari, isi kandungannya ucapannya di antara lain: "Kerajaan akan terus memastikan sektor utama yang meliputi golongan bumiputera, industri-industri kecil, pengeluaran barang makanan pertanian dan rumah kos rendah memperoleh kredit pada kadar kos yang berpatutan". Industri kecil pengeluar barang-barang makanan pertanian, saya suka sebutkan sedikit di sini tentang ini iaitu pengeluar barang-barang makanan pertanian.

Baharu sekejap dalam Soal Jawab tadi ada menyebutkan fasal kempen barang tempatan; kempen supaya membeli barang tempatan ataupun buatan Malaysia. Persaingan barang-barang buatan luar kalau disaingkan dengan barang-barang buatan Malaysia tidak ada beza, akan tetapi oteh kerana sudah menjadi tabiat manusia perkara-perkara dari luar ataupun buatan luar negeri memang menjadi satu kegemaran kepada tiap-tiap orang, itu sudah menjadi tabiat manusia. Walaupun barang dari luar itu tidak begitu elok sangat tetapi apabila sebut dari luar ataupun buatan luar lebih-lebih lagi disebut buatan negara-negara maju, buatan Amerika misalnya, buat England, buatan Jepun dan sebagainya. Jadi dengan sendiri mereka merasa elok dan bagus. Misalnya, saya seumpamanya kalau misal orang kahwinlah, kahwin dengan anak pacik di tepi rumah dengan orang kata dia kahwin dengan orang Amerika, oh, jauh bezanya walaupun orang Amerika itu hitam lengit pun bunyinya itu sedap.

Timbalan Yang di-Pertua: Hitam bukan tidak lawa Yang Berhormat.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Hitam manis.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak patut ada colour prejudis.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Jadi, begitulah keadaannya. Barangan begitu juga. Dengan demikian, apakah caranya agar kita rakyat Malaysia membeli barang Malaysia, iaitu sepatutnya Kerajaan, apa yang sepatutnya tidak payah dimasukkan barang-barang luar seperti yang tidak perlu sangat, kita sekatkan. Ini sayuran-sayuran datang dari luar negeri pun ada. Adakah patut kita sebuah negara pertanian, buminya begini subur kita boleh terima sayur luar negeri? Ini malu, tidak patut barangan luar negeri yang tidak mesti kita pakai, tak mesti kita gunakan. Kenapa dibenarkan masuk coklet daripada Sweden, coklet daripada Amerika, coklet daripada Jepun? Apakah kita rakyat Malaysia mesti makan coklet? Bukan mesti. Barangan-barangan macam ini jangan dibenarkan masuk, barulah rakyat Malaysia akan mahu buat coklet, ada perasaan mahu buat itu, mahu buat ini. Gula-gula kabung kita, gula-gula kelapa kita banyak.

Zaman sebelum merdeka dahulu orang-orang kampung pandai buat coklet manisan, coklet gula kelapa, bungkus dengan daun pisang. Sedap, betul-betul sedap, akan tetapi oleh kerana datangnya kulit daripada Amerika dengan cap cantik-cantik hilang daun pisang kita, tetapi isi dalamnya bukan sedap sangat, isi dalam hendak banding dengan coklet manisan ini jauh sedap coklet manisan lagi dan tidak begitu mudarat kepada gigi. Ini kanak-kanak kita kecil-kecil sudah cabut gigi, salah satu sebabnya daripada coklet buatan luar negeri ini. Oleh itu saya mencadangkan barangan-barangan yang tidak dimestikan seumpama ini tak usah dibenarkan masuk. Barangan-barangan yang tidak dimestikan juga seperti barangan perabot, kerusi meja.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang di-Pertua, apa yang

saya baca dia kata bacteria, jadi kumanlah agaknya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebenarnya saya rasa inoculum itu sesuatu yang dimasukkan—inoculate, inculum.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: I-n-o-c-u-l-u-m, inoculum. Agaknya kumanlah ataupun.....

Timbalan Yang di-Pertua: Bacteria itu namanya mungkin lain.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan usaha inilah saya rasa selain daripada kita berjaya mendapat baja yang baik, baja yang murah kita juga dapat memberi peluang pekerjaan, tenaga kerja kepada penganggur-penganggur kerana apabila kilang buat baja ini sudah banyak dibuka sudah tentulah banyak orang-orang kita dapat pekerjaan. Jadi, tenaga pekerja bertambah, baja dapat yang baik, murah dan menguntungkan negara iaitu tukaran wang asing, wang kita tidak mengalir keluar. Dan tidak kurang pula kita boleh menambah kemungkinan-kemungkinan pendapatan bertambah kepada petani-petani kerana kalau selama ini mereka menternak binatang mereka boleh besarkan lagi ternakannya, selain daripada mereka boleh jual binatang ternakan ini, hasil buangnya, najisnya boleh dijual untuk buat baja. Jadi, dengan apa yang saya sebutkan tadi sudah tentulah akan menambah hasil petani-petani untuk kita mengurangkan kemiskinan terhadap dalam negara kita di kalangan petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan teruskan perbincangan ini untuk menyentuh sedikit berkenaan dengan penggunaan Bahasa Malaysia dalam negara kita. Sesungguhnya Bahasa Malaysia ini telah termaktub di dalam

Perlembagaan negara iaitu Fasal 152 sebagai bahasa rasmi yang tunggal dalam negara ini. Semasa Perlembagaan negara digubal Suruhanjaya Reid telah memutuskan untuk menyatupadukan rakyat di sesebuah negara di Asia ini hendaklah ditentukan satu bahasa yang boleh diterima oleh semua pihak. Penggunaan bahasa Inggeris tidak akan mencapai matlamat perpaduan itu, kata Suruhanjaya ini. Dengan itu di dalam negara Malaysia yang akan wujud dalam tahun 1957 telah diputuskan bahawa bahasa Melayu boleh menjadi alat perpaduan yang hari ini telah pun dimaktubkan yang dikenali sebagai Bahasa Malaysia. Dan selain daripada keputusan Suruhanjaya telah diadakan juga perundingan tolak ansur wakil-wakil kaum yang terbesar dalam negara ini. Semua pihak telah menerima bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di samping bahasa-bahasa lain akan diberi perlindungan dan boleh digunakan oleh keturunan masing-masing dan dicatatkan juga bahawa perkara ini merupakan perkara sensitif yang tidak boleh disebut-sebut, yang tidak boleh diungkit-ungkit akan penggunaannya ataupun keistimewaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Bahasa Malaysia ataupun bahasa Melayu ini ialah satu bahasa yang mudah dipelajari, satu bahasa yang sangat mudah dikuasai dan mudah pula dituturkan, ini disebabkan oleh strukturnya dan sifat-sifatnya yang boleh diubah suai, yang boleh dipinda (ditukar) ataupun amat mudah untuk diasimilasikan dengan bahasa-bahasa lain. Bahasa ini telah wujud beratus-ratus tahun yang lalu yang telah dijadikan sebagai lingua franca oleh pedagang-pedagang, oleh berbagai-bagai jenis bangsa yang berdagang di dalam ataupun di kawasan nusantara ketika itu, oleh kerana struktur dan sifat-sifatnya yang istimewa yang ada pada bahasa tersebut. Tetapi kalau kita

lihat sehingga sekarang sayang seribu kali sayang s telah bahasa ini didaulatkan sepenuhnya pada tahun 1967 iaitu selepas 10 tahun kempen dijalankan ia masih belum dapat diletakkan sebagai bahasa semua rakyat Malaysia. Belum berjaya dijadikan sebagai satu bahasa yang dicintai oleh seluruh rakyat, masih banyak lagi rakyat yang tidak mampu menguasai dan menggunakannya sama ada di bidang pertuturan ataupun penulisan, di dalam perhubungan sehari-hari. Dan masih banyak pula rakyat yang sudah menguasainya ataupun memang telah menguasai tetapi tidak berapa berminat untuk menggunakannya sepenuh hati ketika di dalam pertuturan biasa dan juga di dalam perbincangan rasmi kelihatan kepada kita bahawa bahasa Inggeris terus digunakan ataupun Bahasa Malaysia ini dicampuradukkan dengan bahasa Inggeris, ini sudah tentulah merupakan satu pencemaran bahasa yang sungguh ketara dan malang sekali bagi bahasa rasmi negara.

Sesungguhnya yang bertanggung-jawab untuk mengisi erti kedaulatan dan pengiktiratan terhadap sesuatu bahasa khususnya terhadap Bahasa Malaysia ini ialah seluruh rakyat yang bernaung di bumi Malaysia, lebih-lebih lagi mereka yang masuk di dalam golongan yang boleh dijadikan contoh, teladan iaitu pada pemimpin dan para bijaksana dalam negara ini ataupun intellectual, dengan izin, para-para intelek. Sesuai dengan kehendak slogan Kepimpinan Melalui Teladan, jadi inilah orang yang perlu menunjukkan tetadan.

Persoalan yang selalu ditimbulkan mengenai kelemahan pelajar-pelajar kita di dalam menguasai bahasa Inggeris selalu disebut. Sepatutnya perkara kelemahan pelajar-pelajar menguasai bahasa Inggeris ini tidak menjadi satu isu yang besar yang diheboh-hebohkan oleh pemimpin-pemimpin kita, oleh golongan-golongan yang biasa menulis dalam

akhbar dan sebagainya, sebaliknya kelemahan pelajar-pelajar kita dan sebahagian daripada pemimpin-pemimpin dan rakyat negara menguasai Bahasa Malaysia dibiarkan tenggelam begitu sahaja, tidak dihebohkan.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya bahasa ini diambil perhatian oleh segenap pihak kerana Bahasa Malaysia ini sebenarnya bahasa yang indah, bahasa yang cantik. Misalnya kalau satu perkataan, saya beri contoh. Satu-satu perkataan itu setengahnya sampai berbagai-bagai perkataan boleh digunakan. Misalnya, katalah perkataan saya, aku, teman, patik, beta, hamba dan berbagai-bagai lagi. Mengapa kita gunakan perkataan I. Ada tujuh, lapan perkataan kita boleh gunakan. Tengoklah kalau kita raja, betalah. Kalau bercakap dengan raja, patik. Kalau dengan kawan-kawan, saya, aku tetapi kita pakai I. Dengan isteri pun I hendak ke pasar, you tunggulah anak di rumah.

Sekarang kita buat kereta katakan, alhamdulillah, bersyukur kepada Tuhan kerana kita sebuah negara boleh buat kereta, tetapi kalau kita pejam mata betul-betul daripada hati yang putih betul-betul, kerana Allah betul-betul, apa yang kita ada? Ini hakikat. Enjin daripada Jepun. Betul kita kata berapa peratus kereta kita buatan yang kita buat itu 40% daripada barangan dalam negeri, tetapi apa barangnya itu? Barang penting atau barang tak penting? Itu soalnya. Enjin daripada Jepun, body kita buat di sini tetapi kita mahu tanya besi, body daripada besi, besi itu dileperkan, peleper besi itu daripada mana? Adakah daripada dalam tanah kita ambil itu besi, logam besi, kita peleperkan di negara kita ataupun peleper itu di mana? Barang halus-halus, kusyen, tilam, wayar-wayar, itu tak usah kata 40%, 100% pun boleh sebut yang halus-halus itu. Ini hakikat saya bercakap.

Bercakap dalam soal syukur, memang kita syukur betul-betul tetapi apa yang saya sebut ini bererti tidak mahu mengada-ngada, mahu ikhlas daripada hati putih supaya kita bertambah bersungguh-sungguh bahawasanya kereta ini dalam masa yang singkat Proton Saga akan buat enjin di sini dan kita tidak mahu barangan daripada luar negeri satu barang sekalipun dalam masa beberapa tahun yang singkat ini. Mesti ada semangat itu, kalau tidak, nanti orang yang kita buat joint-venture itu akan makan kita.

Misal saya kata, kita pergi menangkap ikan dalam laut, kita hendak tangkap ikan paus, kalau tak kena gaya ikan paus itu tangkap kita, ikan paus itu telan dengan perahu-perahu kita.

Misalan kedua, kita pergi memancing ikan dalam laut, kita ada bawa bekal kita dalam teno, dalam mangkuk-mangkuk kita, ikan goreng ada, sambal ada, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat misalan sedikit. Kita sibuk hendak tangkap ikan besar tadi, sudahlah yang dalam teno tadi tumpah habis, ikan goreng kita entah ke mana kerana kita sibuk hendak tangkap yang besar dalam laut itu, sudah yang dalam belanga kita sendiri habis melimpah, di mana ikan goreng, di mana sambal, semua habis licin, terbang. Jangan kita kena semacam itu. Begitu juga negara kita Malaysia ini supaya kita tidak kena jadi macam itu. Nama betul.

Hari ini kita katakan banyak negara-negara order, berhajat mahu kereta Malaysia, betulkah ini atau berbunyi sahaja ataupun Menteri Perdagangan datang apabila sebut kereta Proton Saga, hendak jual kereta Proton Saga. Adakah orang kata, saya tak mahu. Siapa hendak kata tak mahu? Tidak ada orang kata tak mahu. Orang akan fikir, orang tengok gambar kereta rupa betul-betul

kereta Jepun, sedikit tak ada beza kenapakah kita persetujukan kita buat rupa kereta itu kereta Jepun? Sekurang-kurangnya orang mahu beli cantik kereta itu, belum lagi soal enjin, tetapi rupa kereta itu kerana apakah kita setuju buat fesyen kereta Jepun? Hari ini kalau orang tengok siapa kata itu kereta Malaysia? Apabila sampai di -pelabuhan mana-mana dalam negara di dunia ini apabila dia tidak baca, siapa mengatakan itu kereta Malaysia? Semua orang kata kereta Jepun, kenapa kita setujukan buat fesyen itu, kenapa tak ubah sedikit supaya agak orang mahu beli rupa ini rupa lain macam, nampak ini rupa lain. Jadi orang hendak beli atas rupa tetapi hendak beli atas enjin, padahal rasa saya, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:
(Bangun).

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Minta jalan? Sila.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat yang berkenaan di manakah rupa Jepun di kereta itu?

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Yang sebenarnya rupa itu bukan rupa Jepun, yang saya kata rupa kereta Jepun (*Ketawa*). Rupa Jepun mata sepet sedikit, tetapi kereta itu tak adalah rupa sepet, rupa kereta Jepun, cuba buat rupa lain sedikit. Oleh itu, saya mencadangkan yang akan hendak buat ini, yang lepas-lepas tak apalah, yang akan hendak buat ini kita buat fesyen baru, buat rupa design lain, design rupa tidak rupa kereta Jepun supaya orang berkenan rupa itu.

Dalam dunia ini rupa ini mustahak, macam orang hendakkan orang juga, rupa nombor satu dahulu, perengai nombor dua. Jadi enjin itu dia kaji

kemudian, biar rupa dahulu. Hari ini saya tengok tentang rupa itu tak ada beza langsung, kenapa kita setuju buat rupa itu? Kemudian dalam masa beberapa tahun agak kita fikir kita boleh buat enjinnya sendiri, itupun mustahak. Langkah yang paling bijak sekali bukan langkah yang kita buat di Malaysia, kita perjualkan orang Malaysia. Langkah yang paling bijak kita buat, kita jual, kita boleh dapat duit luar negeri. Kita ini hendak duit fasal duit tak ada.

Sekarang dengan adanya kereta Proton Saga itu sudah tentu kita kurang sedikit agaknya mengimport kereta. Dan oleh kerana banyaknya rakyat Malaysia hendak pakai kereta, sebab kena booking dahulu, maka banyaklah hendak buat kereta itu. Apabila banyak hendak buat kereta itu maka banyaklah hendak beli enjin. Beli enjin itu dengan siapa? Dengan Jepun. Apabila masuk kita cukai, misalnya, kalau ambil cukai. Cukai enjin itu, cukai per unitkah atau per horse power? Kalau cukai atas sebarang enjin, atas seenjin itu berapa sen. Murah sahajalah. Barangkali enjin itu dalam \$4,000, \$3,000. Cukai berapa sen. Tetapi kalau masuk kereta Jepun, sebuah kereta kita charge atas horse power, berapa banyak kita dapat duit. Horse power besar banyaklah dapat duit, tetapi enjin seketul bagaimana hendak dicukaikan mahal. Sudah kurang duit. Ini soal hendak cari duit, bukan hendak cari nama. Kalau hendak cari nama tak susah sekarang.

Hari ini kita Malaysia ini soal nama boleh kata dikenali di dunia sekarang. Tetapi yang kita hendak soal duit sudah keluar banyak. Dengan demikian sebagaimana apa yang saya sebutkan tadi dalam soal syukur, terima kasih kepada Allah s.w.t. dan berterima kasih kepada orang yang berusaha dan terima kasih kepada pihak yang menjalankan, yang

mengikhtiarkan, yang mengadakan; itu Allah s.w.t. sahajalah yang mengetahui tentang syukurnya itu tetapi apa yang saya sebutkan ini untuk menguntungkan, lebih menguntungkan, apa caranya.

Lebih-lebih lagi bimbang. Ini bimbang, bimbang spare partnya belum buat, itu bimbang juga. Apabita sahaja keretanya orang pakai, spare part tidak ada membawa kepada orang gelisah. Apabila gelisah membawa kepada orang tak hendak beli. Jangan pula ada di antara orang main-main, kononnya spare partnya kena buat di lain tempat, misalnya ataupun tidak di Malaysia, kononnya. Oleh yang demikian, sebab Malaysia ini, khasnya rakyat Malaysia ini adalah rakyat yang maha lurus yang dikasihani oleh Allah s.w.t., jadi semoga orang-orang yang bersama kita kalau kita buat joint venture dengan Jepun semoga macam kita juga ikhlas. Dengan adanya kita ikhlas, mereka ikhlas, sama-sama mendapat keuntungan, sama-sama boleh hidup, tetapi kalau kita lurus, kita ikhlas, orang tidak ikhlas dengan kita maka kita akan hancur.

Sejak kita Pandang ke Timur, masa kebetulan, banyak kita gelisah terutama dalam segi ekonomi dan sebagainya sesuai pula dengan kemelesetan ekonomi dunia—kebetulan, akan tetapi walau macam mana pun kemelesetan ekonomi dunia, negeri mereka tidak macam kita, sebab kita ada bahan mentah, lain-lain negara-negara perindustrian seperti Jepun lain; kita ada bahan mentah, bahan mentah ini sentiasa orang berkehendak, kalau tidak berkehendak banyak pun mereka berkehendak sedikit; bererti kita tidak akan jadi kehancuran sebagaimana negara-negara yang telah tertimpa kemelesetan ekonomi yang melampau-lampau itu. Dengan adanya kita bahan-bahan itu semoga dipelihara oleh Allah s.w.t.

daripada kehancuran ekonomi sebagaimana negara-negara yang telah ditimpakan bala itu.

Kita sentiasa berhasrat hendak meniru Jepun kerja, tetapi adakah kita boleh tiru Jepun kerja yang sebenarnya. Rasa saya tak berapa banyak kita boleh tiru Jepun kerja sebab Jepun tak ada datang bekerja jadi kuli dalam negara ini. Mana pernah kita tengok pekerja-pekerja Jepun yang angkat simen. Mana pernah tengok. Buruh-buruh Jepun tak ada. Yang adanya taukeh-taukeh Jepun. Yang adanya engineer-engineer Jepun, kuli Jepun tak ada. Entahlah, kalau saya tak terpandang tetapi saya nampak kebanyakan orang Bangladesh. Kenapa Kementerian Buruh tidak mahu minta buruh daripada Jepun. Mengapa minta buruh daripada Bangladesh. Sepatutnya kita minta buruh daripada Jepun. Rakyat Malaysia mahu tengok buruh Jepun bekerja macam manaj tetapi kalau rakyat Bangladesh apa yang mereka boleh tiru, tiru tak boleh, cuma naik rumah batu sebagaimana kita buat juga. Rakyat Malaysia boleh buat sebagaimana orang Bangladesh buat tetapi kita hendak tengok bagaimana rakyat Jepun bekerja, bagaimana kuli Jepun bekerja, bagaimana buruh Jepun bekerja, orang tak tengok lagi sekarang. Ini hakikat saya bercakap ini. Barangkali kita hendak buruh daripada Bangladesh sebab murah. Jadi apa-apa pun kalau terkam kepada yang murah sangat selalunya tak berapa molek. Ini soal kalau dapat kita meniru.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi pandangan sedikit lagi mengenai tulisan Jawi. Nampaknya sudah lama kita sebut ataupun kedengaran bahawa tulisan Jawi ini mahu diperkembangkan, mahu diketengahkan tetapi setakat hari ini belum ke mana-mana.

Saya sebagai anak watan Malaysia, mengenangkan tulisan Jawi ini hampir saya hendak meleleh air mata kerana nasib tulisan Jawi ini tenggelam begitu sahaja. Tulisan Jawi ini mula perkembangannya di Semenanjung Tanah Melayu kita ini dan ketinggian kedudukan tempat tulisan Jawi ini dahulu sebelum merdeka tinggi kedudukannya. Hingga sampai sekarang dalam geran-geran tanah masih ada lagi tulisan Jawi itu. Setengah-setengah geran besar seperti saya tengok geran-geran tanah di Terengganu, dalam geran-geran besar itu masih ada lagi tulisan Jawi dalam geran. Oleh itu, kenapakah nasib tulisan Jawi ini begitu malang sekali wataupun dia tidak hancur ataupun dia tidak mati tetapi dia hidup segan mati tak mahu.

Sebagaimana kata suratkhbar Utusan Melayu, misalnya mengatakan Utusan Melayu di mana duduknya? Hanya dibeli oleh orang kampung-kampung sahaja, di hotel-hotel besar cuba cari Utusan Melayu, Di Hilton cuba cari Utusan Melayu, tak ada. Dalam kapalterbang kalau ada pun kapalterbang yang halus-halus itu sahajalah, kapalterbang besar-besar sudah tak ada Utusan Melayu ini. Jadi, ertinya tulisan Melayu ini tak boleh diketengahkanlah, begitu? la boleh untuk orang kampung-kampung, begitu? Begitukah atau bagaimanakah. Hendak dikatakan tulisan Jawi ini tak ada standard, sebenarnya bukan tak ada standard. Itulah saya kata dan siapa melenyapkan, siapa menghilangkannya.

Adakah kita kata penjajah, bukan penjajah. Sebab masa penjajah tulisan Jawi masih ada. Hendak kata siapa. Orang Cina melenyapkan? Tidak. Sebab di kedai-kedai Cina sendiri di Kuala Lumpur ini, tidak usah kata di Terengganu, Kelantan, di Kuala Lumpur ini baru tahun 1957 masih banyak lagi tulisan-tulisan Cina di

kedai-kedai Cina. "Pajak Gadai" kata dia. Atau "Tukang Gigi". Pendeknya ada sahaja tulisan sampai sekarang pun bangunan-bangunan lama ada tulisan Jawi di kedai-kedai Cifia. Jadi orang Cina sendiri pun tidak menjadi halangan bagi mereka kalau kita hendak kembangkan tulisan Jawi ini sampai sekarang ini pun. Agak saya begitulah. Kenapa? Sebab ibu-bapa mereka dahulu, ini tabiat manusia khususnya orang Cina, pantang menderhaka kepada ibubapa. Orang-orang Cina hormat sangat kepada ibubapa. Ibubapa mereka dahulu setuju tulisan Jawi ini. Mereka sekarang pun setuju sangat kerana patuh kepada datuk nenek dia dahulu. Maka siapa yang melenyapkan? Yang melenyapkan hilang langsung siapa orangnya? Cina bukan, India bukan.

Saya mengatakan bahawa melenyapkan tulisan Jawi ini orang Melayu sendiri, pemimpin-pemimpin Melayu sendiri yang membiarkan hanyut tulisan Jawi ini. tulisan Jawi ini dia punya kembang, perkembangannya sampai ke South Africa saya jumpa di Tanah Suci Mekah pandai menulis tulisan Jawi. Tetapi Rumi tidak pandai. Kemboja, berapa banyak orang Kemboja erti tulisali Jawi. Ini perkembangan tulisan Jawi. Perkembangan ini hingga di duit-duit, wang negara dahulu-dahulu, negara lain ada tulisan Jawi ini. Masa pemerintahan British, masa penjajah ada dalam duit British ada tulisan Jawi. Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca dalam duit orang Putih, duit Inggeris—(*Mengeluarkan wang kertas*)—Wang kertas ini sah diperlakukan di dalam negeri Melayu. 10 sen, tulisan Jawi ada. Orang-orang Inggeris, penjajah-penjajah penghisap darah tetapi pandai menghargai bahasa orang. Kita sendiri menghancurkan melenyapkan tulisan kita sendiri, orang Melayu sendiri, pemimpin-pemimpin Melayu sendiri yang menghancurkan tulisan Jawi, bukan

siapa, bukan Cina, bukan British, bukan India. Kita sendiri melenyapkan. Ini yang penjajah British, negara lain pula.

Saudi Arabia, wang Saudi Arabia tulis di sini 10 rial. Kemudian ada tulisan di belakangnya, "Yayasan Kewangan Saudi Arabia" mengakui akan menukarkan resit ini dengan wang tunai 10 rial. Ini 50 rial, semua ada tulisan Jawi. Wang negara lain ingin menulis tulisan Jawi kita ini, tetapi kita sendiri melenyapkan, hilangkan. Negeri Cina wang ini pakai sampai sekarang. Ada tulisan Jawi-dalam ini. Harganya tulis Cina. Tetapi tulisannya nampak, fasal dia ikut petat dia "tekki" puluh, maknanya 30 agak saya itu. Kemudian cap tidak tahu. Ini cakap Cina tetapi dia tulis dengan tulisan Jawi kita itu. Cap Gi Ku Hah Lek Binangkasi. Wang Cina yang pakai sekarang ini di Negeri Cina. Bukan wang dahulu-dahulu negeri Cina. Tetapi wang Saudi saya baca ini wang dahulu masa kita masih berguna tulisan Jawi di negara kita ini. Jadi, negara lain sambut sama. Hari ini negara kita sendiri tidak ingin kepada tulisan Jawi bagaimana negara lain hendak sambut, bagairana? Kita sendiri tidak pergunakan. Kita tidak hendak ke tulisan kita sendiri. Ini negeri Cina masih pakai sekarang. Beginilah besarnya pengaruh tulisan Jawi ini.

Oleh yang demikian sekarang di mana tulisan Jawi. Dalam bandar Kuala Lumpur ini kalau orang kampung-kampung ini ingin hendak baca akhbar Utusan Melayu, puas mencari, tidak jumpa. Kena pergi Kampung Baru, kena pergi Chow Kit. Kalau pergi sebelah dekat serambi Hilton tidak usah cari, tidak jumpa. Memberi erti bahawasanya tulisan Jawi itulah saya kata belasan hati, kasihan, kenapa begitu?

Maka adakah kita rasa dengan adanya pandai Jawi ini jadi koman. Bukan jadi koman. Berapa banyak

rasa saya ada dalam Dewan ini yang pandai tulisan Jawi, baca Jawi, adakah mereka berkurangan daripada yang lain dengan sebab pandai Jawi itu jadi kurang. Rasa saya tidak juga. Dengan demikian saya tengok tahun 1984 kesungguhan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk membawa balik tulisan Jawi ini dikembangkan, dibesarkan, dimajukan kepada peringkat ke tengah kepada peringkat yang boleh diketengahkan. Maka saya mengharapkan dan mencadangkan supaya kesungguhan tahun 1984 itu biarlah memberi kejayaan yang cemerlang kepada peringkat boleh dimasukkan sebagai satu mata pelajaran di sekolah-sekolah iaitu sekolah-sekolah rendah pergilah ke peringkat menengah hinggalah sampai ke peringkat rakyat Malaysia ini agar boleh tulis Jawi semula sebagaimana yang telah di kuasai ataupun telah diupayai oleh orang, tua-tua kita dahulu sama ada orang-orang Melayu atau orang Cina. Berapa banyak orang-orang Cina yang dahulu-dahulu yang boleh menulis Jawi dan membaca Jawi sampai sekarang ini. Dengan itu dengan adanya kita pandai Jawi ini membawa kepada kita mudah kepada aliran agama untuk mempelajari buku-buku agama dalam aliran tulisan Jawi ataupun tulisan Arab. Jadi kepandaian itu adalah patut ditambah, jangan dikurangkan. Sebagaimana kita tengok negara-negara setengahnya rakyatnya banyak yang boleh bertutur dan menulis dalam berbagai-bagai bidang bahasa, dan tulisan.

Dengan demikian tulisan-tulisan Jawi ini bukanlah suatu tulisan yang asing atau suatu perkara yang baru mahu kita masukkan, tidak. Ini memang sudah lama ada. Cuma kita tidak suburkan, kita tidak kembangkan kita tidak hiraukan, kita rasa tidak gunakan, itu sahaja. Dan hari ini itulah saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya agar bersungguh-sungguh menaikkan

ataupun menggunakan tulisan Jawi ini kepada peringkat yang boleh kita iktibarkan peringkat boleh diketengahkan sampai kepada mana-mana peringkat sekali pun.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit Buntar.

4.30 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, menjelang tahun 1986, kemerdekaan negara kita berusaha 29 tahun dan umumnya rakyat menyedari bahawa apa yang telah dilaksanakan dalam tempoh itu, kita telah mengatasi apa yang dibuat oleh pihak Inggeris yang memerintah negara kita selama 80 tahun di mana kita dapat melihat bahawa jalan yang bengkok sudah kita ganti dengan lebuh raya, hutan sudah jadi estet FELDA, kereta lembu sudah jadi Proton Saga, jambatan, pelabuhan, lapangan terbang dan universiti dan lain-lain lagi malahan kita sudah setanding dengan negara-negara lain. Bahkan banyak pula bidang-bidang yang kita telah mengatasi negara-negara lain. Itulah maruah yang telah kita bina dan terus akan kita bina setiap masa.

Saya setuju dan semua rakyat pada pendapat saya akan setuju bahawa Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini adalah "belanjawan pilihanraya" seperti yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang sendiri. Itu pendapat saya. Pendapat saya berasaskan bahawa bukan sahaja Belanjawan tahun 1986 adalah belanjawan pilihanraya bahkan tiap-tiap tahun Kerajaan kita mengadakan balanjawan adalah untuk pilihanraya.

Kita memberikan penekanan ini kerana Kerajaan yang kita bentuk, demokrasi yang kita amalkan ini

adalah berdasarkan pilihanraya dan dengan yang demikian kita janganlah merasa bimbang, kita janganlah merasa susah hati bila mana Ketua Pembangkang mengatakan bahawa Beianjawan yang kita buat adalah belanjawan pilihanraya, kerana Tuan Yang di-Pertua, apa-apa yang dibuat oleh Kerajaan untuk kepentingan rakyat dan apabila sesuatu yang dibuat itu adalah baik untuk rakyat, maka rakyatlah yang akan menentukan Kerajaan dan rakyat menentukan Kerajaan melalui pilihanraya. Sebab itulah saya sanggup mengatakan bahawa setiap kali belanjawan yang kita buat adalah belanjawan untuk pilihanraya kerana tujuannya tidak lain dan tidak bukan adalah belanjawan untuk rakyat semata-mata, kerana kalau kita tidak buat dengan tujuan untuk kepentingan rakyat, sudah tentulah Kerajaan kita tidak akan dapat memerintah selama ini, kerana apa yang kita buat adalah untuk kepentingan rakyat dan rakyat akan menentukan Kerajaan yang ada pada hari ini melalui pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa rakyat mestilah sudah tahu sekarang ini dan kalau diadakan pilihanraya bila-bila masa sahaja rakyat mestilah menyokong Kerajaan kerana dalam ucapan Ketua Pembangkang yang baru lalu, saya petik:

"Belanjawan tahun 1986 adalah satu belanjawan di mana kesakitan telah ditanggungkan untuk menghadapi pilihanraya umum yang akan datang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi bagi pihak Kerajaan satu jaminan bahawa selepas pilihanraya umum yang akan datang dia tidak akan menggunakan langkah-langkah yang menyakitkan rakyat bagi menghadapi kerintangan-kerintangan ekonomi dan kewangan yang dihadapi oleh negara".

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

Itu dikatakan oleh Ketua Pembangkang sendiri. Jadi jelas di sini bahawa Ketua Pembangkang sudah mengakui bahawa Kerajaan yang ada pada hari ini akan dapat terus memerintah selepas pilihanraya yang akan datang. Maka dengan sebab itu tidak ada sebab yang lain, tidak perlu lagi rakyat menyokong Pembangkang yang ada selama ini kerana Ketua Pembangkang sendiri pun sudah mengakui bahawa dalam pilihanraya yang akan datang, Kerajaan yang memerintah pada hari ini akan terus mendapat kemenangan.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa ragu-ragu lagi saya memberikan sokongan sepenuhnya kepada Rang Undang-undang ini. Pada pandangan saya beianjawan yang telah dibentangkan itu bukan sahaja memudahkan kami Ahli-ahli Parlimen memberikan sokongan di Dewan ini tetapi rakyat seluruhnya merasakan bahawa belanjawan ini adalah diarahkan untuk mereka bagi mempertingkatkan taraf hidup mereka, walaupun di dalam keadaan ekonomi dunia yang sebegini rupa. Pendek kata belanjawan yang telah dibentangkan itu adalah belanjawan yang dinantikan oleh rakyat seluruhnya selama ini. Walaupun belanjawan kali ini hanya membekalkan dua strategi sahaja iaitu:

- (1) memperkukuhkan usaha-usaha memperbaiki Imbangan Pembayaran dan Belanjawan Negara dengan pengawalan yang lebih ketat ke atas perhelanjaan sektor awam; dan
- (2) mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta;

Tetapi kedua-dua strategi itu sudah cukup untuk membawa dan mewujudkan kesan kepada suasana ekonomi negara yang lebih cerah dalam tahun 1986 dan seterusnya.

Maka kita tidak akan hairan jika rakyat sentiasa menunjukkan kebanggaan mereka bahawa Kerajaan yang ada pada hari ini adalah Kerajaan rakyat dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil melalui strategi yang lepas dan juga Belanjawan 1986 semata-mata bertujuan untuk mengadakan lebih banyak projek pembangunan untuk dinikmati oleh seluruh rakyat negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan sikap yang ditunjukkan oleh Kerajaan khususnya sikap ini dapat dilihat melalui semangat yang dinyatakan di dalam belanjawan itu untuk melahirkan negara yang berjaya. Kerajaan, sektor awam, sektor swasta dan rakyat mestilah bekerjasama. Kalau dapat saya petik semula tiga perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan:

- (1) Kita tidak boleh menyalahkan keadaan ekonomi dunia sahaja. Kita perlu mencari jalan keluar bagi mengatasi kemelesetan ini. Sama ada kita berjaya atau gagal menentang kemelesetan itu adalah terletak kepada usaha diri kita sendiri.
- (2) Kerajaan tidak mengabaikan tanggungjawabnya kepada rakyat miskin dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Dari itu, peruntukan yang berpatutan disediakan terutama sekali untuk memberi kemudahan-kemudahan asas yang lebih kepada penduduk-penduduk di luar bandar dan golongan berpendapatan rendah yang tain.
- (3) Perpaduan perlu diperkukuhkan lagi. Kita tidak boleh berpecah-belah atau berkonfrontasi antara satu sama lain lebih-lebih lagi semasa negara menghadapi berbagai cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat dari luar bandar saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kerana kesediaan Kerajaan dalam usaha mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar terutama dari segi kemudahan asas, jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air yang telah pun diperuntukkan sebanyak \$827 juta. Namun begitu, saya merasa sangat patut jika saya menyuarakan bagi pihak penanam-penanam padi. Saya tidaklah mengatakan bahawa Kerajaan tidak berusaha atau menitikberatkan mereka ini. Ini jelas sekali dengan peruntukan sebanyak \$98 juta bagi bantuan baja padi. Berkaitan dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jumlah pesawah padi di negara ini seramai 455,424 keluarga atau hampir 1/2 juta keluarga yang hanya memiliki purata keluasan tanah lebih kurang 1.02 hektar sahaja dan saya juga tahu walaupun Kerajaan sedar bahawa usaha ke atas tanah seluas ini adalah tidak ekonomik, pihak Kerajaan juga mengkaji serta mengambil daya usaha memindahkan petani-petani melalui pembukaan tanah baru terutama oleh pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, namun begitu, Kerajaan juga mestilah mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan kerana kaum tani adalah merupakan tulang belakang negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada jumlah yang saya katakan tadi iaitu jumlah keluarga yang terlibat di dalam kegiatan menanam padi yang tidak ekonomik ini lebih kurang 1/3 juta, jika kita hitung panjang tiap-tiap keluarga terdiri daripada 7 orang iaitu 5 orang anak, seorang isteri dan suami, maknanya 7 orang, daripada situ jelas kepada kita bahawa sebanyak lebih kurang 3.5 juta terlibat di dalam sawah padi yang tidak ekonomik ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan ini kerana kita perlulah membandingkan seorang pesawah padi jenis ini dengan seorang pekebun sayur dan seorang buruh kasar. Dari segi kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa seorang pesawah padi setelah ditolak dengan kos pengeluaran setahun bagi keluasan tanah 1.6hektar, pendapatan mereka hanyalah lebih kurang \$735 setahun atau lebih kurang \$2 sahaja sehari sedangkan pekebun sayur dengan keluasan yang sama boleh mendapat \$5,000 atau lebih setahun atau lebih kurang \$14 sehari atau kalau dengan buruh kasar yang dapat \$8 atau lebih sehari dengan jaminan-jaminan tertentu yang lain seperti Kumpulanwang Simpanan, kemudahan perubatan dan sebagainya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sumbangan pesawah padi bukanlah kecil, maka saya mencadangkan supaya Kerajaan patutlah mengkaji semula tentang harga jualan padi. Harga padi patutlah dinaikkan, harga padi sekarang ialah \$49.61 bagi 100 kilo. Maka saya mencadangkan supaya dinaikkan kepada sekitar \$60 atau ke \$65 bagi 100 kilo dengan Kerajaan meneruskan juga Sekim Kupon Subsidi. Dengan kenaikan ini sedikit sebanyak boleh mengurangkan kemiskinan ataupun kesusahan dan kepayahan yang dihadapi oleh pihak petani dalam golongan yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya inginlah dan saya berharap bersungguh-sungguh supaya pihak Kementerian yang berkenaan, khasnya Kementerian Pertanian, menentukan sama ada dari segi kajian ataupun dari segi pelaksanaan ataupun dari segi dasar-dasar yang akan diarahkan kepada petani-petani, khasnya pesawah-pesawah padi ini, hendaklah ditentukan khasnya bagi pesawah-pesawah yang saya sebutkan

tadi supaya diadakan satu unit khas di Kementerian yang berkenaan, khas kepada pesawah-pesawah padi jenis ini, kerana jika kita tidak memberi perhatian kepada mereka ini, sebenarnya mereka telah menjalankan kerja dengan secara sepenuh masa. Dari segi penggunaan tanah juga telah digunakan dengan sepenuh-penuhnya tetapi mereka tidak akan dapat lebih daripada itu.

Maka dengan keadaan demikian saya berharap Kerajaan dapat memberi keutamaan kepada mereka ini kerana dari segi Dasar Pertanian Negara mereka ataupun pesawah-pesawah padi jenis ini tidak dapat menukarkan syarat tanah mereka, kerana ini adalah yang telah ditentukan mengikut kawasan-kawasan yang telah ditetapkan di dalam Dasar Pertanian Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang terus sedar tentang usaha untuk mengurangkan kemiskinan dan ingin meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar, terutamanya dari segi kemudahan-kemudahan asas. Tetapi saya harap sistem bantuan, pinjaman dan segala program alang kepalang hendaklah ditukar corak. Kita jangan hanya mahu supaya petani teras ada penglibatan Kerajaan tetapi apa yang penting ialah bentuk penglibatan Kerajaan yang boleh membangun serta melahirkan kesan yang besar. Umpamanya, Kerajaan mengeluarkan bantuan 10,000 ekor anak ayam kepada 1,000 orang; maka seorang akan dapat 10 ekor sahaja. Tetapi kalau kita ada 10,000 anak ayam kita beri kepada 20 orang, maka seorang akan mendapat 500 ekor. Maka kesannya amatlah berbeza dengan 500 ekor dengan 10 ekor.

Kalau bantuan enjin sangkut pula, umpamanya kekuatan 5 horsepower, kita beri bantuan kepada mereka, mereka tidak akan boleh pergi ke

tengah ataupun mereka tidak akan boleh menjalankan kegiatan nelayan yang lebih moden tetapi kalau kita beri bantuan dengan enjin-enjin yang besar sudah tentu kesannya juga akan besar, risiko besar, untungnya pun besar. Kalau dibuat jalan kampung, jangan kita hanya buat jalan 4 kaki atau 6 kaki tetapi kita mesti buat 12 kaki atau 14 kaki supaya boleh lori-lori kecil ataupun kenderaan-kenderaan yang lebih besar dapat mengangkut barang-barang para petani yang berada di pedalaman ke pasar-pasar ataupun di pasar-pasar yang mana boleh mendapat harga yang lebih baik. Itulah saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, sistem alang kepalang ini hendaklah diberhentikan dari sekarang, terutamanya dalam ekonomi yang meleset ini.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kemudahan asas iaitu jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air sebanyak \$827 juta adalah wajar tetapi perlaksanaannya mestilah diberi perhatian yang betul-betul. Rakyat desa dan rakyat separuh desa dahulu dapat menikmati air semuta jadi, tetapi sekarang kesan dari penggunaan bahan-bahan kimia dan pembukaan hutan secara tidak teratur, banyak kawasan yang sudah tercemar. Mereka tidak lagi dapat bergantung kepada bekalan air semula jadi. Oleh itu peruntukan ini mestilah benar-benar disalurkan kepada kawasan-kawasan luar bandar dan separuh bandar dari segi keutamaannya.

Kita tidak mahu melihat seperti wujud satu diskriminasi dalam soal-soal kemudahan asas. Di bandar, apabila siap sahaja satu kawasan perumahan, jalannya sudah pasti akan selesai, api, air, telefon dan sebagainya, tetapi di luar bandar atau separuh bandar pelaksanaan kemudahan-kemudahan asas ini berjalan agak lembab. Oleh itu saya berharap pada masa yang akan datang suasana dan sikap seperti ini mestilah

ditukar, mestilah diperbaiki lagi, keutamaan mestilah diberikan kepada luar bandar yang di dalam serba kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan mengenakan cukai ke atas ahli-ahli politik yang bersara sama ada sebagai Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri atau anggota pentadbiran Pusat dan Negeri sehinggalah mereka mencapai usia 50 tahun adalah satu langkah yang adil dan simbolik. Di samping itu patut juga rakyat diberitahu bahawa ahli-ahli politik memang sentiasa sanggup berkorban sesuai dengan Kepimpinan Melalui Teladan. Bukan itu sahaja, Menteri-menteri telah pun dipotong gaji mereka, Ahli-ahli Parlimen pun sudah tidak boleh membuat apa-apa tuntutan perbatuan, subsistence dan lain-lain mulai September 1983 lagi dan ini juga hanis diketahui oleh rakyat kerana pengorbanan telah pun dilakukan. Oleh itu bukan sahaja ahli-ahli politik harus berkorban tetapi semua golongan masyarakat termasuk pegawai-pegawai Kerajaan mesti lebih cermat.

Misalnya, meskipun mereka boleh bermalam di hotel yang mahal harganya, tetapi apa salahnya mereka bermalam di hotel yang sederhana sementara ahli-ahli perniagaan mestilah lebih banyak menyumbangkan wang ringgit mereka melalui institusi-institusi penyelidikan. Semua orang mesti berkorban sama ada bermurah hati dengan apa yang mereka ada atau bagi yang kekurangan hendaklah meningkatkan kerajinan usaha semata-mata untuk menambahkan daya pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang berani mengamban sikap berterusterang mengawal dengan ketat perbelanjaan mengurus di samping membekukan pengisian jawatan-jawatan kosong kecuali yang penting

sahaja dan dalam masa yang sama dasar penswastan akan juga membantu mengecilkan kepada perbelanjaan mengurus. Oleh kerana Kerajaan juga menggalakkan pertumbuhan sektor swasta dengan berbagai-bagai insentif serta pengecualian cukai-cukai tertentu dan lain-lain lagi, sepintas lalu sepatutnya akan mengurangkan pula kadar pengangguran, tetapi jangan pula kita lalai bahawa dalam suasana semua orang mengatakan zaman ekonomi meleset, ada pihak-pihak pengusaha kilang akan mengambil kesempatan untuk memberhentikan pekerja-pekerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui bahawa sejak akhir-akhir ini apabila dikatakan ekonomi meleset, terdapat kilang-kilang seperti di Pulau Pinang dan di Kuala Lumpur telah memberi alasan bahawa ekonomi meleset dan keuntungan tidak begitu baik. Lantaran yang demikian mereka telah mengambil kesempatan untuk memberhentikan pekerja-pekerja mereka.

Saya inginlah merayu kepada pihak Kementerian Buruh khususnya, kerana saya ada mendapat satu rungutan daripada pekerja-pekerja Syarikat K.L. Glass Sdn. Bhd., Petaling Jaya. Di dalam memorandum yang dihantarkan oleh pihak majikan kepada pihak pekerja-pekerja Syarikat K.L. Glass Sdn. Bhd. menyatakan pemberhentian sukarela. Saya tidak faham bagaimanakah dikatakan pemberhentian sukarela, kerana selalunya yang kita ketahui bahawa pemberhentian itu bukan sukarela. Sukarela ini, pekerja itu sendiri akan berhenti dengan kehendaknya sendiri tetapi dalam konteks Syarikat K.L. Glass Sdn. Bhd. ini, lebih kurang 140 orang dikehendaki untuk pemberhentian sukarela, tetapi sebenarnya pemberhentian paksa, kerana saya difahamkan oleh pekerja-pekerja

Syarikat K.L. Glass ini mereka tidak mahu berhenti kerana mereka telah bekerja lebih daripada sepuluh atau lapanbelas tahun, mengapa dalam keadaan begini mereka terus diberhentikan dan mereka tidak yakin bahawa pemberhentian mereka adalah kerana kerugian ataupun kerana keuntungan syarikat yang berkenaan agak berkurangan. Ini dapat dilihat seperti yang dinyatakan oleh mereka bahawa kilangan tersebut terus membeli alat-alat jentera yang lebih besar, terus menggunakan alat-alat yang lebih moden sedangkan kilang ataupun majikan mengatakan tidak ada keuntungan.

Dengan alasan demikian sudah tentulah saya rasa ataupun pada pandangan saya pemberhentian sukarela ini tidak wajar. Saya minta supaya Kementerian Buruh menyiasat dengan seberapa segera kerana tarikh mereka diberikan notis untuk diberhentikan secara sukarela ialah pada 6hb yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ini jelas kepada kita Kerajaan sentiasa memberi galakan-galakan, Kerajaan memberi insentif-insentif kepada kilang-kilang dan Kerajaan cuba menggalakkan pertumbuhan kilang-kilang. Tetapi Kerajaan tidak ada pengawalan kepada soal pemberhentian pekerja-pekerja di kilang-kilang yang berkenaan. Apa salahnya walaupun kita ada yakni yang kita panggil Mahkamah Perusahaan, tetapi mahkamah ini hanyalah membicarakan satu kes setelah buruh-buruh ataupun pekerja-pekerja diberhentikan atau dibuang kerja. Tetapi adalah lebih baik kalau Kerajaan dapat, kalau perlu mengadakan undang-undang supaya satu pemberhentian beramai-ramai mestilah dirundingkan dengan Kementerian terlebih dahulu ataupun Kementerian mestilah mengadakan satu penal supaya apabila sesuatu kilang yang besar yang ingin

memberhentikan pekerjaanya beramai-ramai mestilah berunding dengan penal ini terlebih dahulu, barulah satu penyelesaian ataupun satu keputusan dibuat setelah berunding dengan pihak Kementerian ataupun penal di bawah Kementerian Buruh, kerana kalau tidak, Kerajaan sudah tentulah tidak akan boleh mengambil tindakan yang berkesan apabila buruh diberhentikan secara beramai-ramai.

Kita lihat dengan pemberhentian buruh di Pulau Pinang di Syarikat MALTEX baru-baru ini sehingga Kerajaan terpaksa terlibat, Kerajaan Negeri terpaksa mengeluarkan kenyataan-kenyataan dan berbagai-bagai masalah telah timbul. Jadi ada baiknya jika perkara seperti ini kita selesaikan di peringkat sebelum pemberhentian itu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, walau sebaik mana pun Kerajaan dapat menggubal Belanjawan tetapi matlamat serta kejayaannya akan cacat sekiranya perpaduan nasional tidak dapat diperbaiki kerana perpaduan nasional melibatkan manusia dan kemanusiaan. Unsur-unsur aku orang Sabah, aku orang Sarawak, aku orang Kelantan tidak boleh dibiarkan atau dipupuk. Negara akan jadi huru hara jika ramai penduduk termasuklah pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai Kerajaan, para peniaga-peniaga dan ahli-ahli politik yang sehtiasa memainkan politik perkauman dan sikap prasangka.

Saya dukacita sekali gambaran perpecahan semakin ketara termasuk kepada Ahli-ahli Parlimen sendiri terutamanya Parti Pembangkang. Ini jelas kalau dilihat dalam soalan-soalan dalam Parlimen ini hampir dekat 100 soalan mulut adalah bermotif prasangka perkauman. Contoh-contohnya jelas sekali. Misalnya ada soalan-soalan ditanya:

(a) mempertikaikan status bahasa ibunda jika sekolah intergrasi dilaksanakan;

(b) mempertikaikan pembinaan kuil-kuil, pada hal mengikut Perlembagaan Islam adalah agama Persekutuan;

(c) ingin tahu berapa jumlah penuntut di Pusat Pengajian Tinggi mengikut pecahan kaum. Kalau tanya mengikut berapa penuntut, tidak apalah. Ini ditanya berapa mengikut pecahan kaum;

(d) mempertikaikan pemberian biasiswa mengikut pecahan kaum pada hal ini adalah hak istimewa orang-orang Melayu dan bumiputera yang dikanunkan di dalam Perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kita telah lupa, akhir-akhir ini rakyat kita telah lupa bahawa satu perjanjian telah kita buat ketika kita hendak mencapai kemerdekaan dahulu dan kita telah peruntukan di dalam Perlembagaan, saya bacakan, Artikel 153 antaranya hak keistimewaan—153. Perbezaan kuota mengenai perkhidmatan, permit dan sebagainya untuk orang Melayu. Kemudian ada bahagian (3) ini dikatakan bumiputera iaitu termasuk Sabah dan Sarawak:

".... memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera mana-mana Negeri Borneo dan juga untuk menentukan perezapan bagi orang Melayu dan bumiputera mana-mana Negeri Borneo suatu kadar yang difikirkan patut oleh Yang di-Pertuan Agong...."

Bukan kita yang hendak menentukan, Yang di-Pertuan Agong. "....yang difikirkan patut oleh Yang di-Pertuan Agong mengenai jawatan dalam perkhidmatan awam". Itupun selalu banyak juga ditanya. Berapa bumiputera, bukan bumiputera dan sebagainya. Pada hal telah dtperuntukan di dalam Perlembagaan dan mengenai biasiswa begitu juga.

Biasiswa diperuntukan di bawah Artikel 153—Bantuan dan keistimewaan pelajaran. Jadi kalau kita di sini memainkan prasangka, termasuklah pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai Kerajaan, sudah tentulah kita katakan tadi polarisasi kaum semakin berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita di sini sebagai pemimpin rakyat, Wakil-wakil Rakyat masih mengamalkan sikap seperti ini, maka tidak hairan rakyat juga berada di dalam kekeliruan, keraguan dan berkecamuk. Bahkan yang paling menyakitkan hati, orang yang berjuang untuk rakyat bukan warganegara ini. Misalnya selalu dipertikaikan berapa ramai permohonan kewarganegaraan yang belum diproses, berapa ramai dari keturunan itu dan ini dan sebagainya yang belum diproses. Pada hal mereka ini adalah rakyat bukan warganegara Malaysia. Mengapa kita mesti berjuang untuk mereka. Apa yang penting ialah kita berjuang untuk kepentingan rakyat di dalam negara kita. Ini juga satu masalah. Oleh itu saya mencadangkan, saya syorkan kepada Jawatankuasa Penapis Soatan mestilah menolak soalan-soalan yang seperti ini. Jika kita mahu lihat integrasi nasional menjadi kenyataan lebih cepat wujud di negara ini, semua kaum sama ada rakyat biasa, cendiakawan-cendiakawan, pelajar-pelajar, ahli-ahli perniagaan, pegawai-pegawai Kerajaan, pemimpin-pemimpin sukarela atau politik mesti berkorban.

Pengorbanan yang diperlukan dari setiap kaum di dalam negara ini tidaklah sebegitu besar, mungkin mereka hanya meninggalkan sebahagian sahaja dari apa-apa pesaka atau upacara hidup yang wujud sebelum kita mencapai kemerdekaan kepada suasana baru yang dikehendaki oleh keadaan negara ini sendiri, oleh Malaysia sendiri selepas

kita mencapai kemerdekaan. Selaku rakyat yang taat dan mempunyai harapan kepada wujudnya integrasi nasional saya harap Kerajaan akan meningkatkan lagi ketegasan pelaksanaan melalui apa cara sahaja saluran yang ada pada hari ini.

Saya menyokong penuh langkah-langkah Kementerian Pelajaran dalam memperkenalkan sistem sekolah integrasi ke arah mendekati matlamat yang sedang kita tuju walaupun ada beberapa orang ahli khasnya daripada Pembangkang yang membangkang sekolah integrasi ini; kerana mereka ada prasangka, kerana mereka ada pefasaan yang tidak yakin dengan masa hadapan negara kita. Oleh itu, saya berharap Kerajaan jangan undur dalam pelaksanaan ataupun perancangan yang telah dibuat mengenai perkara ini kerana niat kita adalah niat yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Datok.

5.01 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, satu kesusahan atau penderitaan yang tidak dapat dielakkan telah berlaku kepada ekonomi negara kita dan ini adalah disebabkan oleh keadaan dunia yang meleset. Tetapi walau bagaimanapun, di dalam keadaan kesusahan Yang Berhormat Menteri Kewangan serta pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan dan Perbendaharaan Malaysia; walau bagaimana susah mereka memerah otak dan fikiran

supaya dapat membentangkan satu Anggaran Belanjawan untuk rakyat, maka dengan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan yang dapat membuat satu belanjawan bagi memerangi kemelesetan ekonomi dunia dan ekonomi negara kita.

Tujuan dan matlamat atau falsafah Belanjawan 1986 sepertimana yang dikatakan oleh Yarig Berhormat Menteri Kewangan pertama adalah untuk memperkukuhkan usaha-usaha memperbaiki imbalan pembayaran dan perbelanjaan negara dengan mengenakan atau dengan menitikberatkan pengawalan yang lebih ketat atas perbelanjaan di sektor awam.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta dan inilah yang menjadi objektif kepada Belanjawan 1986, dan saya mempunyai keyakinan ianya akan mencapai matlamat yang kita cita-citakan.

Oleh kerana dasar berjimat cermat yang dijalankan oleh Kerajaan selama 3 tahun yang telah lalu akan diteruskan dengan jaminan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan dengan itu saya menyimpulkan bahawa Belanjawan ini adalah satu Belanjawan yang diterima oleh semua rakyat kerana ianya tidak sedikit pun membebankan semua pihak dan semua lapisan masyarakat di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah tidak mengenakan banyak cukai-cukai yang dibebankan kepada rakyat tetapi hanyalah cukai-cukai kepada mereka yang terlalu banyak merokok, yang terlalu banyak mabuk kerana minum arak, minuman keras dan sebagainya. Ini adalah satu Belanjawan yang kita patut menyokong sepenuhnya oleh kerana di dalam penerapan nilai-nilai

Islam Kerajaan telah mengutamakan tidak sekali-kali bersetuju untuk menyokong kepada perkara-perkara yang mendatangkan kemunggaran seperti menggalakkan rakyat meminum minuman keras dan sebagainya. Maka dengan sebab itu cukai yang dikenakan ke atas yang saya sebutkan tadi semestinya mendapat sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, falsafah Belanjawan yang berdasarkan berjimat cermat di mana Kerajaan cuba dengan seberapa daya menjimatkan perbelanjaan negara di samping meningkatkan kegiatan perusahaan serta tidak mengenakan cukai yang boleh membebankan rakyat yang sekarang ini rakyat berada di dalam keadaan yang agak susah dan tenat, maka saya berpendapat pada hemat saya Belanjawan 1986 ini adalah satu belanjawan yang berperki kemanusiaan dan bertimbang rasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri mencadangkan sejumlah wang \$30,812 juta diperuntukkan bagi Belanjawan 1986 dan sebanyak \$21,954 juta, kira-kira 71% adalah perbelanjaan untuk Mengurus dan bakinya \$8,558 juta, kira-kira 29% adalah untuk Pembangunan.

Daripada peruntukan ini, pertambahan sebanyak \$1,621 juta, kira-kira 6% telah bertambah dahpada perbelanjaan tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan rasa kurang faham ataupun tidak begitu mengerti kenapakah perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1986 ini terpaksa ditambah sebanyak \$417 juta kira-kira 2% berbanding dengan perbelanjaan Mengurus tahun 1985. Sedangkan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyatakan bahawa Kerajaan akan mengawal ketat perbelanjaan Mengurus dan

sekiranya Yang Berhormat Menteri Kewangan hendak mengurangkan bilangan anggota-anggota perkhidmatan awam melalui proses penswastaaan dan peningkatan daya pengeluaran serta kecekapan pengurusan di sektor awam tentulah perbelanjaan Mengurus tidak bertambah sebanyak 2% daripada tahun 1985. Di mana penambahan sebanyak \$417 juta itu adalah satu pertambahan yang agak besar, hampir setengah billion ringgit.

Oleh itu, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan dapat menerangkan kepada rakyat kenapakah tambahan \$470 juta bagi Belanja Mengurus itu diperlukan? Adakah tambahan ini untuk membayar tuntutan-tuntutan yang tidak menasabah yang mana pada pendapat saya ada setengah-setengah pegawai-pegawai Kerajaan, bukanlah semua, yang menjalankan tugas sama ada di dalam atau di luar negeri yang membuat tuntutan-tuntutan yang tidak menasabah sama ada elaun perjalanan, elaun keraian ataupun elaun penginapan di hotel-hotel besar semasa menjalankan tugas dan sebagainya.

Saya ingin mendapat kepastian oleh sebab perbelanjaan Mengurus ini dicadangkan dikawal dengan ketat tetapi terpaksa pula ditambah sebanyak \$417 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan dari segi mengenai saiz perkhidmatan awam Malaysia adalah besar jika dibandingkan dengan kakitangan Kerajaan di negara-negara lain di ASEAN ataupun di Tenggara Asia ini. Nisbah kita telah diberitahu bahawa tiap-tiap 17 orang rakyat Malaysia seorang daripadanya adalah

kakitangan Kerajaan. Sepatutnya, dengan saiz kakitangan Kerajaan yang besar dan ramai ini di dalam perkhidmatan awam ini bolehlah menjadikan satu perkhidmatan Kerajaan yang berkhidmat kepada rakyat bertambah baik, bertambah cepat dan bertambah licin segala perjalanan fail-fail yang diuruskan dan semasa diuruskan bertambah baik dan bertambah cepat serta bertambah licin semasa fail-fail di semua urusan dengan orang ramai dijalankan oleh kakitangan Kerajaan. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah keramaian ataupun kebesaran saiz kakitangan Kerajaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu telah menimbulkan bukannya perkhidmatan Kerajaan kita bertambah baik tetapi adalah didapati setengah-setengah daripadanya keramaian kakitangan Kerajaan itu menyebabkan lebih banyak masa terbuang dengan bersembang-sembang ataupun berbual-bual kosong di kantin-kantin dan setengah-setengahnya banyak membuang masa kerja di luar daripada pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, Perdana Menteri telah mengenalkan beberapa falsafah tindakan untuk memperbaiki peningkatan cara bekerja kepada kakitangan perkhidmatan awam seperti penggunaan, dengan izin, punch-card ataupun ditambah lagi Kepimpinan Melalui Teladan dan selain daripada itu ditambah lagi dengan cogan kata sikap Bersih, Cekap dan Amanah. Semuanya yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan suatu cara, punch-card untuk menentukan kakitangan itu mula bekerja dan menghabiskan kerja, dengan melaungkan Kepimpinan Melalui Teladan supaya tiap-tiap kerja itu dapat diteladani dengan baik oleh orang yang lain, dengan menyemai sikap Bersih, Cekap bekerja serta Amanah

menjalankan tugas. Inilah yang sepatutnya dijalankan oleh kakitangan perkhidmatan awam ataupun kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi prestasi ataupun cogankata-cogankata yang diwujudkan oleh Perdana Menteri itu saya ingin tahu sejauh manakah ianya diamalkan oleh setiap anggota perkhidmatan awam kerana saya tidak dapat mengenalpasti akan prestasi perkara tersebut ataupun perkara ini pernah dipersoalkan di dalam Dewan yang mulia ini dan mendapat jawapan daripada pihak-pihak Menteri yang berkenaan tetapi saya dapati bahawa sungutan-sungutan rakyat masih berterusan dengan rakyat mengatakan bahawa masih terdapat banyak kerja-kerja yang diurus oleh orang ramai kepada kakitangan Kerajaan tidak dapat dijalankan dengan baik dan dengan licin.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada cadangan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengurangkan saiz perkhidmatan awam tetapi saya berharap sangat kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya berhati-hati dalam mengurangkan saiz perkhidmatan awam ini. Saya cadangkan bukanlah dalam bentuk memberhentikan pekerjaan atau menghilangkan satu-satu mata pencarian pekerjaan kepada pekerja-pekerja kakitangan awam tetapi dengan langkah untuk menswastakan jawatan-jawatan tersebut adalah saya sokong dengan sebaik-baiknya, kerana jika kita memandangkan bahawa pengangguran sedang berada di dalam negara kita ini adalah suatu angka yang sudah pun banyak di mana pengangguran-pengangguran menunggu atau menanti atau pemohon pekerjaan tidak dapat, bukan sahaja kepada belia-belia ataupun pemuda-pemuda ataupun warganegara yang berpelajaran kelulusan SRP, SPM

bahkan sekarang ini terdapat banyak mereka yang memegang sijil-sijil kelulusan daripada Universiti pun banyak yang menganggur. Maka dengan sebab itu dasar untuk memberhentikan atau membuang kerja adalah saya tidak menyokong tetapi sekiranya dengan cara penswastaaan itu adalah sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini telah diterangkan bahawa pembayar gaji kepada perkhidmatan awam adalah hampir sebanyak \$7,000 juta setahun merupakan satu belanjawan yang sangat besar kepada Kerajaan. Maka dengan sebab itulah dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan ketidakanggupan Kerajaan untuk menunaikan tuntutan pelarasan gaji oleh pekerja-pekerja sektor awam yang dituntut oleh pihak CUEPACS. Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara, Kerajaan tidak dapat melayan semua tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh CUEPACS.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya rasa tidak ada rakan-rakan saya ataupun daripada Ahli-ahli Dewan ini yang menyebut isu mengenai CUEPACS, izinkanlah saya menyebut serba sedikit kerana saya berpendapat bahawa isu tuntutan pelarasan gaji oleh CUEPACS ini telah menjadi suatu isu negara dan tindakan akhir yang dirancang oleh pihak CUEPACS ialah melancarkan piket di seluruh negara pada 16hb September, 1985 dan tindakan selanjutnya pihak CUEPACS ingin melancarkan berpiket pada 23hb Oktober, 1985 dan tindakan yang paling besar ialah untuk mengadakan perarakan beramai-ramai pada 15hb November ini dan tindakan yang paling tinggi sekali oleh Kesatuan Sekerja ini adalah untuk melancarkan mogok bekerja pada 15hb Januari, 1986 di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. dan mengucapkan perkataan Alhamdulillah oleh kerana isu CUEPACS telah nampaknya reda di mana pihak CUEPACS telah membatalkan piketnya pada 23hb Oktober, 1985 walaupun telah melancarkan piket pada 16hb September kalau tidak silap saya, dan selain daripada itu pihak CUEPACS akan membatalkan rancangannya untuk mengadakan perarakan beramai-ramai pada 15hb ini dan juga rancangan untuk mengadakan mogok bekerja di seluruh negara oleh seluruh kakitangan ahli-ahli CUEPACS pada 15hb Januari, 1986 telah pun kita dengar ataupun kita mendapat tahu perkara ini akan dibatalkan. Pembatalan atau keputusan CUEPACS atas tindakan berpiket dan mogok adalah disebabkan adanya pertemuan daripada hati ke hati, di antara Perdana Menteri ataupun di antara Kerajaan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Menteri Kewangan dan Menteri Pelajaran pada 30hb Oktober, 1985 yang lalu telah mengadakan satu perjumpaan berhadapan bersama dengan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat di dalam mengatasi apa-apa sahaja masalah yang berlaku di hadapan kita yang mencabar kita di mana kita menjalankan tugas sama ada pihak diri kita, pihak Kerajaan dan sebagainya, tugas yang dijalankan sehari-hari di dalam dunia semasa kita hidup tidak ada suatu perkara pentadbiran, sama ada pentadbiran Kerajaan atau pentadbiran dari segi pemimpin, Kesatuan Sekerja dan sebagainya yang mana masalah-masalah itu tidak ada satu pun yang tidak boleh kita atasi asalkan semua pihak mahu merendah diri bertugas untuk menyempurnakan sesuatu masalah adalah dengan niat ataupun dengan perasaan sesuatu yang kita

hendak laksanakan itu semata-mata adalah kerana Allah, ini adalah sesuai dengan prinsip-prinsip ajaran Islam kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin mengambil kesempatan di sini, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah sanggup berdepan dengan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja, dengan izin, CUEPACS untuk menyelesaikan masalah negara. Saya mempunyai keyakinan oleh kerana sebenarnya masalah isu pelarasan gaji oleh CUEPACS ini sudah menjadi masalah negara hinggakan Kerajaan terpaksa membuat langkah-langkah persediaan untuk menghadapi tindakan mogok oleh CUEPACS untuk menjaga kepentingan rakyat.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat adalah sangat bimbang dengan peristiwa-peristiwa isu pelarasan gaji oleh CUEPACS, bukan setakat bimbang dengan piket pekerja oleh ahli-ahli CUEPACS tetapi timbul pula penentangan tunjuk perasaan berpiket oleh persatuan-persatuan peniaga kecil dan banyak lagi badan-badan yang lain yang terdapat pro dan kontra atas isu pelarasan gaji ini telah berlaku di negara kita. Tetapi saya suka mengingatkan ataupun kita sedia maklum dalam isu seperti ini pihak komunis atau anti nasional ataupun subersif sentiasa mencari peluang untuk mengambil kesempatan menanggung di air yang keroh di mana perkara inilah harus difikirkan oleh Kerajaan dan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja. Dan daripada apa yang berlaku yang kita ketahui pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kita patut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempunyai sifat-sifat terpuji sebagai seorang pemimpin negarawan yang sanggup

berbuat apa sahaja untuk kepentingan rakyat dan kepentingan negara dan diucapkan juga tahniah kepada Encik Ahmad Noor dan juga pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang sanggup membatalkari keputusan berpiket dan sanggup membatalkan mogok. Mudah-mudahan perjumpaan dari hati ke hati antara majikan dan CUEPACS.

Saya maksudkan majikan, Tuan Yang di-Pertua, sebagai ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku yang mengetuai Kerajaan negara kita Malaysia ini merupakan majikan kepada perkhidmatan awam dan kakitangan Kerajaan sama ada di dalam kesatuan sekerja ataupun tidak adalah merupakan pekerja-pekerja kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menutup perkara ini dengan adanya perundingan-perundingan yang telah dilaksanakan itu masalah negara ataupun isu tuntutan pelarasan gaji ini akan dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Ucapan Belanjawan beliau yang telah mengurangkan peruntukan Pembangunan Agensi di Luar Belanjawan sebanyak \$2 billion telah dikurangkan untuk perbelanjaan tahun 1986. Dalam Laporan ekonomi 85/86 ada menyatakan kebimbangan Kerajaan Persekutuan terhadap pertambahan paras perbelanjaan sektor awam oleh Agensi di Luar Belanjawan yang terbukti dalam siasatan dan kajian Perbendaharaan bahawa imbalan perolehan adalah lebih rendah daripada perbelanjaan pembangunan yang menjadikan defisit sebanyak \$8,739 juta bagi tahun 1985 yang mana sumber wangnya adalah dipinjam daripada luar negeri sebanyak \$4,000 juta dan \$215 juta adalah pinjaman daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat dukacita di atas prestasi Agensi Luar Belanjawan (ALB) ataupun OBA ini kerana ianya diwujudkan oleh Kerajaan adalah dengan peruntukan yang diperuntukkan kewangannya oleh Kerajaan beribu-ribu juta ringgit kepada badan-badan ALB ini. Sebagai contoh, katalah PNB. PNB sekarang ini saya dapat tahu ataupun difahamkan mempunyai harta (assets) sebanyak \$4 billion tetapi masih lagi minta bantuan wang daripada Perbendaharaan negara dan bukan sahaja PNB tetapi badan-badan ALB yang lain juga pada setiap tahun ataupun pada setiap akhir tahun badan-badan Agensi di Luar Belanjawan ini akan mengemukakan tuntutan-tuntutan peruntukan wang daripada Perbendaharaan negara. Oleh yang demikian, saya berpendapat sepatutnya ALB ataupun OBA yang telah mempunyai kewangan ataupun harta-harta yang teguh sepatutlah berusaha sendiri membesarkan ataupun memberi sumbangan kepada negara dengan menunjukkan satu kerja ataupun keupayaan mereka sendiri dengan membuat keuntungan pada tiap-tiap tahun dengan tidak payah lagi membebankan kepada Perbendaharaan ataupun kepada Kementerian Kewangan dengan membanyakkan pinjaman-pinjaman yang dibebankan kepada hutang negara sama ada pinjaman iaitu di dalam ataupun di luar negeri yang mana sekarang ini jika tidak salah keseluruhan atau dikumpulkan hutang negara kita hampir \$60 billion dan terpaksa dibayar setiap tahun sebanyak \$5,925 juta setahun dan ini menunjukkan jika kita kira hampir setiap hari kita membayar hutang sebanyak \$17 juta.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar Kerajaan mengawal dan mengetatkan perbelanjaan sektor awam, saya berharap Jawatankuasa mengenai perbelanjaan Agensi Luar

Belanjawan yang telah ditubuhkan oleh Unit Perancang Ekonomi seperti yang ditunjukkan di dalam buku Laporan Ekonomi 85/86 supaya Jawatankuasa Mengawal Belanja Agensi Luar Belanjawan ini benar-benar berfungsi dan menjalankan tugasnya dengan tegas dan patut sekalilah agensi-agensi ini menjalankan perbelanjaan secara berjimat cermat seperti yang dijalankan oleh Kerajaan juga.

Sebagai contoh saya ingin tahu sama ada benar seperti PETRONAS mislanya telah menjalankan usaha mencarigali tempat-tempat sumber minyak yang baharu yang mengeluarkan perbelanjaan sehingga \$135 juta. Sekiranya perkara ini benar, saya rasa amatlah tidak berpatutan, sepatutnya pihak Petronas walaupun ianya merupakan agensi yang banyak mendapat keuntungan ataupun banyak membuat wang tetapi dalam membelanjakan wangnya yang sudah sedia itu haruslah berhati-hati dan berjimat cermat sesuai dengan kehendak ataupun dasar Kerajaan yang berkehendakkan agensi-agensi itu berjimat cermat.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat di dalam Laporan ekonomi 85/86 juga Laporan Ekonomi 84/85 kelender-kelender peristiwa-peristiwa penting mengenai ekonomi negara kita untuk tahun 1985 ini sahaja sebanyak 91 peristiwa telah berlaku dan semua peristiwa-peristiwa 91 peristiwa penting mengenai ekonomi ini adalah untuk menjaga atau untuk meninggikan mutu ekonomi pendapatan rakyat dan sebagainya. Tetapi saya ingin bertanya daripada peristiwa-peristiwa tahun-tahun 1983, 1984 dan 1985 itu sebanyak manakah kejayaan-kejayaan yang dicapai di dalam pertemuan-pertemuan atau peristiwa-peristiwa sama ada peristiwa itu berlaku di dalam negeri ataupun peristiwa itu berlaku di luar negeri? Yang mana kita dapati daripada

peristiwa-peristiwa penting ekonomi 1985 daripada Buku Laporan Ekonomi 1985/1986 itu adalah satu peristiwa yang sangat digalakkan, disokong dan disanjung tinggi sebagai usaha-usaha Kerajaan untuk mencari jalan mengatasi masalah dan membuat rancangan-rancangan untuk membangunkan ekonomi negara kita di dalam semua bidang.

Saya dapati sepertimana yang kita tahu lawatan-lawatan misi-misi perdagangan sama ada yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun yang dipimpin oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Menteri Kewangan dan sebagainya yang sering melakukan lawatan-lawatan keluar negeri untuk mendapat pelaburan daripada luar negeri untuk melabur ke dalam negeri kita ini telah banyak dan kerap kali diadakan sebagaimana yang dicatatkan di dalam peristiwa-peristiwa penting daripada Buku Laporan Ekonomi tersebut.

Saya sangat berharap supaya peristiwa-peristiwa itu dapat diadakan tindakan susulan ataupun, dengan izin, follow-up atas usaha-usaha yang dibuat itu supaya ianya mendatangkan faedah kepada ekonomi negara kita. Tidaklah sepertimana apa yang setengah-setengah itu pegawai-pegawai sama ada pegawai Kerajaan bukanlah semua, tetapi saya katakan ada di antaranya ataupun pegawai-pegawai daripada agensi-agensi luar bandar ini mengikuti rombongan Perdana Menteri ke Amerika, ke China dan ke mana sahaja di dalam dunia ini, apabila balik mereka akan menunjukkan gambar-gambar mereka kepada kawan-kawan tengoklah berapa rapatnya bubungan saya dengan Perdana Menteri, hanya itu sahaja yang ditunjukkan sebagai prestasi kemajuan lawatan mereka ke luar negeri ataupun perjumpaan-perjumpaan di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berminat ataupun ingin melihatkan prestasi Agensi-agensi Luar Belanjawan ini, oleh kerana ianya memang kita wujudkan bagi menentukan keseluruhan kemajuan struktur hidup rakyat sama ada di luar bandar ataupun dalam bandar di datam negara kita. Maka dengan sebab itu saya ingin mencadangkan supaya kedudukan Pengerusi agensi-agensi di luar bandar ini dikaji semula.

Saya ingin mencadangkan supaya tiap-tiap seorang janganlah ianya menjadi Pengerusi kepada beberapa agensi-agensi. Maksud saya kalau seorang itu katalah kita tugaskan sebagai Pengerusi kepada PNB ataupun katalah kepada MAS umpamanya, ianya janganlah diberi lagi menjadi Pengerusi-pengerusi kepada badan atau Agensi Luar Belanjawan yang lain, yang setengahnya kalau tidak salah terdapat satu orang memegang sampai 10 jawatan Agensi-agensi di Luar Belanjawan. Ini saya tekankan atau saya utarakan bukanlah kerana apa Tuan Yang di-Pertua, kalaulah seorang itu menjadi Pengerusi Badan-badan Berkanun Kerajaan ini sampai 7,8,10 tentulah ianya tidak dapat menumpukan segala kawalan sama ada dari segi pentadbiran ataupun dari segi kewangan, ataupun dari segi kemajuan atas Badan Berkanun yang ianya menjadi Pengerusi dapat ditumpukan dengan sepenuhnya oleh kerana terlalu banyak, setengahnya itu hendak menyusun jadual untuk bermesyuarat dengan Lembaga Pengarah pun sudah mendatangkan kesusahan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan supaya perkara ini mungkin agak berat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita adalah seorang yang mempunyai hemah yang tinggi dan

sebagainya kepada Pengerusi-pengerusi Agensi Luar Belanjawan yang sudah terlalu tua sampai ada umpamanya yang berumur 70 tahun atau 80 tahun. Itu bukanlah pula saya anti kepada orang tua, tetapi kalau boleh berilah peluang kepada orang-orang yang bukan pula muda, tetapi antara paras umur antara 45 ke 55 tahun dengan tujuan kepada mereka yang sudah begitu tua sangat, saya fikir tentulah bak kata orang kalau bateri itu sudah terlampau lama sangat dia pun jadi lemah dan dia tidak ada daya cara bertindak dan sebagainya, tiada suatu semangat untuk menunjukkan agensi-agensi di bawah tangannya bagi laporan-laporannya kepada Kerajaan ataupun kepada Parlimen ini. Kita lihat tidak ada daya untuk dia menunjukkan satu dayatunjuk pegangan dalam masa setahun itu suatu kejayaan yang cemerlang oleh sebab dia sudah tidak mempunyai apa-apa cita-cita di dalam pekerjaan yang dijawatnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan ekonomi negara kita tidak digalakkan sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, tetapi dalam Dasar Ekonomi Baru akan terus juga mendapat perhatian dan tempat di mana pemntukan-peruntukan sebanyak \$2,861 juta disediakan untuk membasmi kemiskinan dan \$500 juta adalah untuk menyusun semula masyarakat dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan mengakui bahawa ia ingin meningkatkan taraf hidup di luar bandar. Tetapi pada hemat saya wang sejumlah \$431 juta untuk jalan raya, jambatan luar bandar dan juga \$225 juta untuk bekalan elektrik dan \$171 juta untuk bekalan air bagi tahun 1986 adalah tidak mencukupi ataupun tidak cukup.

Saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya tugas menyelesaikan masalah keperluan asas rakyat di luar bandar ataupun

rakyat kampung ini, iaitu masalah-masalah keperluan asas jalan, api elektrik dan air ini adalah sepatutnya diberikan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Satu peruntukan khas yang sepatutnya diberikan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang mana saya mencadangkan sebanyak \$1 bilion atau \$2 bilion dengan membuat satu projek raksaksa dalam bentuk bersatu-padu atau bersepadu. Ini sepatutnya diberikan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, oleh kerana cadangan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk menangkis serangan-serangan ataupun kempen-kempen daripada parti Pembangkang terutama pada masa sekarang ini diserang dengan begitu hebat di kampung-kampung oleh parti-parti pembangkang khususnya parti PAS.

Mereka sekarang pada tiap-tiap malam mengadakan ceramah, mengadakan majlis-majlis di rumah-rumah pemimpin-pemimpin mereka dan sangat diminati oleh orang-orang kampung dengan mendengar dakyah-dakyah ataupun kempen-kempen mereka itu dengan membuat berbagai-bagai fitnah dengan menimbulkan masalah keperluan asas seperti jalan raya, api elektrik dan juga air ini menjadikan satu masalah kepada orang-orang kampung atau orang-orang luar bandar yang tidak diambil berat oleh Kerajaan. Pada hal, pada tiap-tiap tahun kita memperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan kita telah melaksanakan segala keperluan asas seperti jalan, air dan elektrik tetapi masih terdapat lagi kampung-kampung yang tidak mendapat keperluan yang tersebut. Dalam dakwaan-dakwaannya pemimpin-pemimpin PAS ini mereka selalu memainkan semangat ataupun membakar semangat orang-orang kampung dengan menimbulkan

perkara-perkara yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan membandingkan projek-projek raksaksa Kerajaan itu dengan projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan di luar-luar bandar.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, ini barangkali untuk pengetahuan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ataupun Kementerian Kewangan yang memperuntukkan wang bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, pemimpin-pemimpin parti lawan atau Parti PAS ini mengatakan kepada orang kampung, lihatlah sekarang ini Kerajaan mengutamakan peruntukan sebanyak \$1 billion untuk membina jambatan di Pulau Pinang. Lihatlah berapa banyaknya bangunan-bangunan pencakar langit, jambatan-jambatan biadak yang diadakan di Ibu Kota yang memakan belanja beribu-ribu juta ringgit. Lihatlah bagaimana Kerajaan mengutamakan kepentingan orang-orang kaya bagi membeli kereta dengan mengadakan projek HICOM dengan membuat kereta Proton Saga yang memakan belanja beratus-ratus juta ringgit. Inilah kempen mereka dan kempen ini sangat meresap kepada penduduk-penduduk luar bandar dan mereka mengatakan apakah Kerajaan sekarang ini betul-betul mengambil berat tentang nasib rakyat di luar bandar dengan mengenyepikan keperluan-keperluan asas yang telah saya sebutkan tadi. Maka dengan sebab itulah bagi kita menghadapi rakyat selama 5 tahun sekali kita mengadakan pilihanraya di mana rakyat telah memberi mandat kepada Kerajaan Barisan Nasional. Sebenarnya kita telah membuat segala apa juga kepentingan rakyat untuk di luar bandar bagi mengadakan keperluan asas, tetapi masih lagi belum lengkap dan belum terbuat 100%, ini kita akui. Maka dengan sebab itulah tadi saya telah mencadangkan supaya Kementerian

Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini diberi satu peruntukan khas, dibuat satu rancangan raksaksa yang bersepadu supaya dapat kita menangkis ataupun membuktikan kepada rakyat bahawa apa yang didakwa oleh pemimpin-pemimpin Parti PAS itu sebenarnya adalah dusta ataupun fitnah semata-mata oleh kerana kita Kerajaan Barisan Nasional adatah mengutamakan kepentingan rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu juga saya ingin menekankan bahawa sebilangan besar daripada 15 juta rakyat Malaysia adalah taburan penduduknya di luar bandar dan sebahagian daripada golongan besar daripada rakyat di luar bandar itu adalah terdiri daripada petani-petani yang miskin yang sekiranya projek raksaksa yang saya cadangkan tadi dilaksanakan oleh Kerajaan, maka akan tercapailah sepertimana hasrat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, iaitu Bapa Pembangunan Negara dan Luar Bandar kita yang telah mewujudkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang bertujuan untuk membangunkan kampung-kampung, bererti kita membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak \$1,668 juta untuk sektor pertanian di mana \$635 juta untuk pembangunan tanah yang terbiar, \$313 juta projek pertanian bersepadu dan \$163 juta adalah untuk pembangunan wilayah dan juga bantuan baja sebanyak \$90 juta. Negara Malaysia adalah kita kenalpasti sebuah negara pertanian dan peruntukan sejumlah tersebut adalah untuk membantu petani-petani miskin di luar bandar untuk dinaikkan taraf hidup mereka kepada tahap yang sebaik-baiknya. Beberapa tahun kebelakangan ini, iaitu pada tahun 1985 dan juga mungkin pada tahun 1986 akan datang ini kejatuhan harga hasil barangan utama Malaysia seperti

kejatuhan harga getah, kejatuhan harga kelapa sawit dan kejatuhan harga koko, kelapa ataupun kelapa kering secara langsung inilah yang menjadi hasil kepada sumber pendapatan petani-petani di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut penerangan Yang Berhormat Menteri Kewangan, kejatuhan harga hasil barangan utama Malaysia ini adalah disebabkan oleh ekonomi dunia yang merosot, lembab dan sebagainya. Saya suka memetik daripada ucapan Yang Berhormat dari Lipis pula mendakwa ataupun memberikan penerangan di Dewan yang mulia ini dalam ucapannya, kejatuhan harga kelapa sawit dan getah adalah disebabkan oleh kesalahan kita, sama ada kesalahan Kerajaan ataupun kesalahan Agensi-agensi di Luar Belanjawan tadi yang mana di satu masa dahulu telah membeli ladang-ladang kepunyaan Inggeris ataupun ladang-ladang orang-orang Perancis, maksudnya membeli ladang-ladang yang dipunyai oleh orang-orang yang ladangnya ada di sini tetapi tuannya adalah di luar negeri di satu masa dahulu dan beberapa tahun yang lalu oleh kerana modal mereka itu adalah sedikit dalam ia membuat usaha-usaha ladang getah ataupun ladang kelapa sawit di dalam negara kita ini, tetapi apabila ditawarkan dengan pembelian harga yang agak mahal dan menguntungkan, maka dengan senang sahaja pihak tuanpunya-tuanpunya ladang seperti Ladang Sime Darby ataupun Ladang Guthrie dan sebagainya, mereka menjualkan saham-sahamnya dan juga kita memiliki ladang-ladang tersebut. Maka dengan sebab itulah yang menyebabkan harga-harga barangan seperti getah, kelapa sawit dan lain-lainnya itu tidak dapat dinaikkan harganya oleh kerana pasaran ataupun harga saham itu adalah ditentukan oleh mereka yang berpusat di London atau di Amerika dan sebagainya.

Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, semasa perkara ini berlaku bukankah selepas kita mencapai kemerdekaan kita telah ada satu unit, sama ada Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri dan sebagainya, apakah unit-unit perancangan di negara kita ini tidak diberi kesempatan memberikan pandangan dan nasihat mereka, sama ada menasihatkan Kerajaan ataupun menasihatkan kepada Badan-badan Berkanun kita yang telah melaksanakan pelaksanaan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Lipis itu. Maksud saya, kalau kita ada mempunyai pegawai-pegawai yang begitu pandai, yang saya tahu umpamanya Raja Tan Sri Mohar, Penasihat Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, apakah mereka ini tidak mengadakan satu pakatan ataupun hubungan baik bermesyuarat menyelaraskan sesuatu perkara yang hendak dibuat, sama ada diambil tindakan di dalam negara kita ini ataupun di luar negara kita ini dari segi ekonominya tidak difikirkan implikasinya, dari segi segala effectnya.

Kalau penyelarasan ini diadakan di antara Jabatan Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dengan badan-badan berkanun atau dengan Kerajaan, tentulah perkara ini tidak akan berlaku oleh kerana kita tidak mahu semangat nasionalisma ataupun semangat kita hendak memiliknegerakan harta-harta yang dipunyai oleh pemodal-pemodat luar negeri sahaja; kita utamakan semangat kita mesti menjadikan itu harta negara kita; tetapi sebaliknya di atas tindakan semangat nasional itu yang barangkali secara emosi dan sebagainya menjadikan kita menanggung kesusahan dan kerugian.

Sehingga pada hari ini, kalau kita melihat sama ada pekebun-pekebun kecil getah ataupun peneroka-peneroka FELDA diperuntukkan kawasan getah ataupun kawasan

kelapa sawit, hari ini mereka berada di dalam keadaan yang paling tenat sehingga ada di antaranya, kalau saya tidak keterlaluan boleh saya katakan, sudah tidak dapat untuk makan nasi sehari tiga kali, barangkali ada yang sudah mula berpendapatan yang begitu rendah, sudah mula makan bubur di kampung-kampung—ada, kalau kita pergi siasat. Ini di tempat-tempat yang agak susah dari segi pendapatan mereka.

Satu persoalan saya ingin membangkitkan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu sama ada masalah ini adakah kesalahan Unit Perancang Ekonomi di negara kita yang diwujudkan oleh Kerajaan ataupun kepada badan-badan berkanun Kerajaan itu sendiri tidak mengambil nasihat, tidak mahu berunding dengan penasihat-penasihat ekonomi, kerana kita bukan sahaja ada mempunyai Unit Perancang Ekonomi yang menentukan ke arah mana haluan negara kita ini dari segi ekonomi dan sebagainya, tetapi kita juga boleh mendapat nasihat daripada seorang pakar ekonomi yang diakui bukan sahaja dalam negara kita tetapi juga oleh dunia seperti Professor Ungku Aziz. Baru-baru ini, bilamasa Kerajaan kita di dalam keadaan kalam-kabut menghadapi isu CUEPACS, terpaksa Televisyen Malaysia menemui Professor Ungku Aziz untuk meminta tolong bagi memberikan pandangan dari segi tuntutan gaji dan sebagainya. Kita minta fikiran daripada seorang yang begitu pandai ataupun bijak dari segi ekonomi di Universiti Malaya.

Satu idea beliau yang paling baik mencadangkan kepada Kerajaan, kalau tak salah saya, untuk menubuhkan Tabung Haji. Tabung Haji adalah satu cadangan atau idea daripada Professor Di Raja Ungku Aziz. Jadi, adakah semasa badan-badan ini beberapa tahun dahulu untuk mengambil alih harta-harta

ataupun saham-saham di luar negeri ini mendapat nasihat daripada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan sebagainya ataupun penasihat-penasihat ekonomi sepertimana saya sebutkan tadi.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan, ataupun Menteri-menteri yang lain yang akan memberi atau membentangkan jawapan kepada Belanjawan ini, akan dapat memberi tahu saya dan apabila memberi tahu saya dan Dewan yang mulia ini, ertinya kita memberi tahu rakyat atas perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan tajuk ini tadi yang sedikit hairan ataupun ahah kepada saya dan juga kepada rakyat. Barang-barang yang dikeluarkan oleh petani-petani, ataupun daripada punca-punca pertanian sama ada padi, getah, kelapa sawit atau kelapa, murah waktu pekebun-pekebun ataupun tuan-tuan punya milik itu menjualnya, tetapi bahan-bahan mentah mereka itu turun harganya ataupun murah. Tetapi apabila mereka itu membeli semula setelah diproses, katalah padi setelah dijadikan beras, beras tidak pula murah, Tuan Yang di-Pertua, walaupun padi murah.

Kemudian katalah minyak kelapa. Kelapa satu biji dua sen tetapi bila orang kampung beli sebotol minyak kelapa harganya masih \$2.00 lebih. Begitu juga getah—satu kilo harganya katalah 70 sen, 80 sen atau \$1.00—tetapi apabila getah itu jadi tayar, satu tayar sekarang ini, kalau jenis Dunlop itu, tak kurang daripada \$80, \$100, \$150 dan barangkali sampai \$200. Begitu juga minyak kelapa sawit, apabila dibeli oleh rakyat ataupun pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kelapa sawit buahnya dengan murah tetapi membeli minyak kelapa sawit, minyak itu pula terlalu mahal. Inilah suatu perkara yang tidak adil, Tuan Yang di-Pertua.

Kenapakah barang-barang mentah yang saya sebutkan tadi murah dijual, tetapi apabila dibeli semula untuk kehidupan sehari-hari, barang-barang itu terlalu mahal harganya? Mengapakah tidak diseimbangkan? Kalau sekiranya barang mentahnya sudah murah, tetapi apabila diproses diharapkan barang itu tidaklah begitu mahal; kalau hendak mahal pun kerana diproses, dikilang dan sebagainya mestilah mahal, tetapi tidaklah terlalu mahal. Itulah maksud saya.

Dengan ini, saya sangat menyokong kepada jawatankuasa yang dicadangkan baru-baru ini, iaitu pada hari Rabu yang telah sudah. Kabinet telah mencadangkan suatu jawatankuasa yang diwakili oleh semua pihak daripada Unit Perancang Ekonomi, daripada Bank Negara dan daripada orang-orang yang tertentu untuk mengkaji mengenai hasil utama barangan Malaysia seperti bijih timah, getah, kelapa sawit, kelapa, koko dan sebagainya.

Saya adalah mengalu-alukan langkah Kerajaan itu kerana dengan langkah itu untuk masa ini dan masa hadapan supaya rakyat ataupun negara kita tidak terus mengalami kepahitan ataupun kesengsaraan di dalam kehidupan sehari-hari.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua—itu adalah jawatankuasa yang dicadangkan oleh Kabinet untuk menentukan hasil harga barangan yang kita eksport ataupun jual ke luar negeri dan sebagainya—tetapi saya ingin juga mencadangkan supaya suatu jawatankuasa khas yang dibentuk oleh Kerajaan bagi mengkaji harga barangan keperluan harian yang diperlukan oleh rakyat.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, hari ini Kerajaan telah pun menurunkan harga minyak petrol, sama ada harga minyak petrol

premium ataupun harga minyak petrol biasa, dengan sebanyak 3 sen ataupun 4 sen, tetapi saya tidak mendengar harga barang-barangan untuk keperluan rakyat sehari-hari barang makanan dan sebagainya turun. Kalau mengikut kebiasaan pada tiap-tiap tahun, apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan di dalam Dewan yang mulia ini, katalah dalam membentangkan itu Yang Berhormat Menteri Kewangan mencadangkan supaya cukai minyak petrol atau cukai minyak diesel dinaikkan, tak payahlah naik 3 sen atau 4 sen, naik satu sen atau 2 sen pun sudah cukup; betum pun sempat Belanjawan itu dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, harga barang-barang sudah mula naik. Jadi, soalnya kenapa sekarang ini apabila harga petrol turun, saya tidak mendengar barang-barang keperluan rakyat sehari-hari tidak turun?

Sebagai contoh ambillah yang senang sekali, ikan kembung atau ikan termenung. Inilah yang dimakan oleh rakyat yang berpendapatan rendah, sama ada rakyat itu makan gaji dengan Kerajaan sebagai buruh ataupun rakyat itu menarik beca atau bekerja sebagai buruh di ladang-ladang dan sebagainya. Mereka bukanlah seperti orang yang berada yang boleh membeli ikan-ikan ataupun daging dan sebagainya dengan sedapnya; mereka akan pergi ke market dengan mencari sayur-sayur yang agak sudah lusuh kerana kalau sawi itu agak fresh, mahal harganya—70 sen, 80 sen atau 90 sen sekilo—mereka akan mencari sayur yang berharga 30 sen.

Kalau ikan, mereka akan mencari ikan kembung. Tetapi ikan kembung pun sampai \$2.00 sekilo. Jadi inilah yang menjadi masalah kepada rakyat yang berpendapatan rendah sama ada bekerja makan gaji ataupun bekerja buruh seperti saya katakan tadi,

kenapa apabila Kerajaan menurunkan harga minyak petrol barang-barang sepatutnya diturunkan. Maka dengan sebab itulah saya tadi mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa barangkali jawatankuasa, itu bolehlah dijemput kepada orang-orang yang mengenai bidang tersebut seperti daripada Persatuan Pengguna dan sebagainya supaya mendesak daripada Dewan Perniagaan Cina ataupun Dewan Perniagaan Melayu dan" sebagainya memikirkan perkara ini.

Kehendak saya kalau harga barangan yang dikeluarkan oleh negara kita seperti pertanian, getah, bijih, kelapa koko itu naik dan minyak petrol itu naik, tidak mengapalah barang itu naik. Dan kalau harga barang itu turun, diharapkan keperluan rakyat sehari-hari biarlah turun. Inilah tujuan saya mencadangkan supaya jawatankuasa penyelarar mengkaji harga barangan keperluan harian rakyat ini diwujudkan dan tindakan oleh Kerajaan. Dengan itu tidaklah kita membiarkan dengan sewenang-wenangnya kepada peniaga-peniaga yang sentiasa memikirkan keuntungan diri mereka itu dari segi keuntungan di dalam perniagaan mereka tanpa memikirkan dari segi kesusahan rakyat, terutamanya rakyat miskin dan berpendapatan rendah.

Inilah tujuan saya mencadangkan jawatankuasa tersebut supaya kita tidak dituduh oleh rakyat bahawa Kerajaan kita dalam memerintah negara ini yang diberi mandat oleh rakyat melalui pilihanraya tidak dituduh sebagai Kerajaan yang tidak bertimbang rasa, tidak adil dan sebagainya. Dan rakyat juga tidak menuduh kepada peniaga-peniaga yang hanya semata-mata menaikkan harga barangan keperluan harian waktu hasilan daripada dalam negara kita ini mahal tetapi tidak hendak menyelaraskan waktu kita berada

dalam kemelesetan dan juga kesusahan dalam ekonomi dunia dan juga ekonomi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini juga saya inginlah memberi sedikit ulasan kepada Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab kepada penghasilan ataupun ketinggian barangan utama dalam negara kita ini sama ada bantuan daripada Kementerian Pertanian dan Kementerian-kementerian lain kepada pekebun-pekebun kecil dan sebagainya supaya bantuan itu biarlah benar-benar dikaji dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya supaya matlamatnya sampai ke tujuan yang dicadang ataupun yang dimatlamatkan. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian bukanlah tidak menjalankan suatu usaha yang begitu besar dan begitu baik kepada pekebun-pekebun kecil sama ada getah atau kelapa sawit atau koko.

Katalah, saya mengambil contoh yang senang kepada kawasan saya atau di dalam negara ini kawasan kelapa, pihak Kementerian Pertanian dengan suatu rancangannya berjuta-juta ringgit mengadakan suatu rancangan pemulihan dan tanam semula kelapa dengan memberi bantuan benih-benih koko kepada pekebun-pekebun kecil. Tetapi mengikut satu dakwaan seorang pegawai dari segi Kementerian ini mengatakan harga koko pekebun-pekebun kecil ini rendah ataupun murah adalah disebabkan oleh kerana benih koko tidak baik yang ditanam oleh pekebun-pekebun kecil. Walhal benih ini daripada Jabatan Pertanian kenapakah benih ini tidak baik? Dan kita tahu bahawa MARDI adalah satu badan ditugaskan menyiasat klon-klon koko yang baik, kenapakah benih-benih daripada MARDI ini tidak digunakan untuk disalurkan kepada Jabatan Pertanian dan Jabatan Pertanian menyalurkan "benih-benih

itu kepada pekebun-pekebun kecil dengan tujuan supaya hasil mereka itu apabila didapati dapat menampung keperluan mereka itu dengan sebab harga kelapa jatuh. Inilah tujuannya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya berharap di masa akan datang walaupun di dalam Dasar Pertanian Negara ada menyediakan, saya mengambil contoh mengikut Dasar Pertanian Negara kelapa bukan lagi satu tanaman yang digalakkan oleh Kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil. Tetapi mengikut Dasar Pertanian Negara ada menyebutkan bahawa tanaman kelapa yang saya sebutkan tadi tidak digalakkan, akan tetapi dalam Laporan Ekonomi yang dibentangkan oleh Kewangan oleh pakar-pakar ekonomi mengatakan bahawa terdapat seluas 289,800 hektar pekebun kelapa di Malaysia ini.

Oleh yang demikian, sukacita saya menyarankan supaya walaupun dikatakan tadi Dasar Pertanian Negara tidak menggalakkan tetapi daripada apa yang dikatakan terdapat seluas 289,800 hektar dan kalau tiap-tiap satu hektar katalah dipunyai ataupun satu keluarga seramai 5 atau 10 orang dikalikan dengan 289,800 itu, Tuan Yang di-Pertua, itu menggambarkan beberapa ribu ataupun berapa juta orang penduduk dalam negara Malaysia ini yang terlibat mengenai kelapa.

Oleh itu, saya dengan sukacita menyarankan atau mencadangkan kepada Kerajaan ataupun kepada Kementerian ataupun kepada Kementerian Pertanian ataupun kepada Perdana Menteri atau kepada siapa yang bertanggungjawab kepada perkara ini supaya Kerajaan menubuhkan Majlis Kelapa Kebangsaan iaitu sebuah badan yang akan bertanggungjawab untuk merencanakan, memajukan dan meneliti sebarang dasar yang dibuat mengenai kelapa. Antara lain majlis

ini hendaklah juga dianggotai oleh wakil-wakil dari Persatuan Pekebun Kecil Kelapa Malaysia.

Saya tahu dalam negara kita ini, ini bukan kerana saya Wakil Rakyat daripada Bagan Datuk kawasan saya, kawasan kelapa tetapi kelapa ini seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak dan sebagainya, ada satu persatuan yang dinamakan Persatuan Pekebun Kecil Kelapa yang dipengerusikan oleh Datuk Haji Ahmad Arshad dari Johor. Beliau ini sekarang ini sedang kejar ke sana-sini untuk menasihati pekebun-pekebun kecil kelapa supaya bertenang, bersabar dan sebagainya, di samping itu meminta rakyat menyokong Kerajaan.

Dengan adanya penubuhan yang saya cadangkan tadi, Majlis Kebangsaan mengenai kelapa ini dijemput wakil-wakil daripada persatuan Pekebun-pekebun Kecil Kelapa ini untuk menyumbang fikiran mereka apakah suatu perancangan yang baik untuk masa depan pekebun kecil kelapa. Kalau sepatutnya pokok kelapa itu patut dihapuskan sama sekali, hapuskan. Jangan dibiarkan ladang-ladang besar oleh sebab getah tidak ada berharga, kita benarkan ladang-ladang besar getah ini membuang ataupun menebang pokok getah digantikan dengan kelapa sawit. Tetapi apabila pekebun-pekebun kecil hendak mengemukakan, menukar tanaman kelapa dengan kelapa sawit, Kerajaan tidak benarkan dan mengenakan syarat dan sebagainya.

Jadi, adakah kita berkehendakkan rakyat daripada pekebun kecil kelapa ini mati dengan kesusahan dunia ini kiamat atau sampai dia mati. Inilah tujuan saya mencadangkan supaya suatu Majlis Kebangsaan Pekebun Kecil Kelapa ini diadakan.

Kemudian daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini juga Kerajaan harus mem-

pertanggungjawabkan bukan sahaja kepada Kementerian Pertanian tetapi tanggungjawab ini hendaklah difikirkan bersama oleh kerana ada kaitan antara satu sama lain seperti Kementerian Perdagangan dan Kementerian Perusahaan Utama, disamping Kementerian Pertanian yang ada sekarang ini bagi memajukan dan meluaskan pasaran kelapa, khususnya di bidang perkilangan, peindustrian, pelaburan dan juga pasaran di luar negeri.

Ini kita dapati bahawa kementerian-kementerian berkenaan adalah juga kait mengaitnya dengan harga turun naik ataupun murah-mahalnya barang-barang pertanian kita di negara ini. Oleh sebab kalau sekiranya pengeluaran sahaja kita tumpukan supaya membuatkan pengeluaran yang baik tetapi dari segi pemasarannya oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak ada kerjasama, maka wujudlah pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh pekebun-pekebun kecil yang kita sampaikan melalui Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulai ini, kenapakah harga tersebut murah, apakah tindakan Kerajaan, adakah benar kerana kemasukan kelapa ataupun getah dan padi daripada luar negeri itu menyebabkan hasil barangan dalam negeri ini murah? Ini semua telah dijawab oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian seperti mana yang kita maklum yang berlaku sepanjang Dewan ini bersidang, Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan juga hendaklah dari segi ini bersikap tegas menahan ataupun menyekat kemasukan kelapa ke dalam negara ini kerana serba sedikit perkara ini adalah menjejaskan kestabilan harga barangan seperti kelapa di dalam negara ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada FAMA yang memainkan daya-usaha utama yang

menyebabkan duit ataupun rakyat berjuta-juta ringgit mengatasi masalah kelapa dan masalah koko di seluruh negara untuk sementara waktu bagi meringankan kesusahan dan kesiksaan rakyat di dalam negara ini sewaktu negara kita sedang mengalami kemelesetan.

Selain daripada itu saya juga berharap supaya FAMA menjalankan kegiatan pembelian, pemasaran, pemerosesan kelapa ataupun koko dengan licin dan cekap supaya mengelakkan ataupun demi untuk mengelakkan sebarang pembaziran ataupun penyelewengan serta kerugian seperti yang dialami oleh agensi-agensi lain dengan berlakunya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi akan mengakibatkan petani dan juga pekebun kecil kelapa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang demikian juga saya ingin menyarankan supaya agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian yang terlibat secara tangsung bagi membantu petani dan pekebun kecil serta nelayan supaya menunjukkan sikap bersatu di bawah satu bumbung ataupun bersepadu, misalnya, di antara Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair, sistem perparitan yang diadakan di setiap kawasan itu mestilah sesuai dengan keadaan pertanian di tempat itu.

Misalnya, di kawasan tanaman koko yang sensitif kepada banjir dan kekeringan, pihak Jabatan Parit dan Taliair mestilah merancang sistem perparitan yang memuaskankan kehendak sektor pertanian tersebut. Perkara ini ada disebutkan di dalam buku Laporan Ekonomi 1985/86 bahawa sistem pamaritan dalam negara kita ini adalah tidak sempurna dilaksanakan oleh Kerajaan. Maka dengan sebab itu apabila hujan sedikit segala bantuan yang diberikan oleh Kementerian Pertanian atau Jabatan Pertanian

seperti anak koko dan sebagainya musnah dengan begitu sahaja dengan sebab tidak betul atau tidak baik atau tidak selaras pengurusan pelaksanaan parit-memarit di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyebut sedikit mengenai apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita mengenai Dasar Ekonomi Baru negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berserta dengan rakyat di kawasan saya seramai 100,000 orang juga seluruh rakyat bumiputera sama sekali tidak bersetuju kepada Kerajaan untuk memberhentikan tempoh Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990 yang akan datang itu. Dalam membahaskan Belanjawan ini kita dapat dengar ucapan daripada Ketua Pembangkang Yang Berhormat dari Kota Melaka, begitu juga Yang Berhormat dari Kepong dan pada hari Jumaat lalu kita telah sama mendengar ucapan Yang Berhormat dari Muar menyatakan tidak bersetuju kalau Dasar Ekonomi Baru diteruskan selepas 1990.

Saya fikir kalau sekiranya perkara-perkara seperti mana yang disebutkan oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat itu diutarakan ataupun ditekankan dengan begitu hebat maka semangat 13 Mei akan bernyala semula jika suara-suara sumbang seperti yang disuarakan oleh mereka yang saya sebutkan tadi dilaksanakan. Pada hemat saya ucapan mereka itu adalah satu ucapan yang barangkali agak keterlaluan sepatutnya perkara perkauman, bahasa-bahasa perkauman kita elakkan daripada menyebut di dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana setiap patah atau ungkapan perkataan yang kita sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini akan tercatat di dalam Hansard dan ianya juga akan dibukukan dan akan dijadikan sebagai satu kutubkhanah di dalam satu bilik di Parlimen ini.

Di sini saya sendiri sebagai Ahli Parlimen yang baru dapat membaca, umpamanya, ucapan-ucapan yang diucapkan oleh Allahyarham Zulkifli bin Muhammad, ucapan Tun Tan Siew Sin atau siapa sahaja yang telah menjadi Ahli Dewan Rakyat ini yang telah memberikan ucapan di dalam Dewan ini kita dapat bawah baca. Jadi ucapan itu akan menjadi contoh dan kajian kepada generasi yang akan datang khususnya kepada penuntut-penuntut universiti ataupun pengajian-pengajian tinggi.

Jadi apabila mereka membaca ucapan-ucapan yang berbau perkauman dan sebagainya, ini akan membangkitkan suatu semangat yang boleh mendatangkan perasaan tidak puas hati antara satu kaum dengan kaum yang lain. Sepatutnya ungkapan-ungkapan seperti itu mestilah kita hindarkan, terutama sekali dari ketiga-tiga Wakil Rakyat itu, saya dapati menyebut dan mempertikaikan tentang perkataan bumiputera. Kalau perkataan bumiputera dibangkit-bangkitkan sudah tentulah orang-orang Melayu akan berasa, terasa bak kata orang kalau kita bercakap itu lidah dan perkataan yang kita ucapkan itu adalah lebih tajam daripada pisau dan pedang. Dengan sebab itulah ucapan-ucapan yang dibuat dalam Dewan ini seperti membahaskan Dasar Ekonomi Baru, janganlah sekali-kali kita membiarkan diri kita terperangkap dengan perasaan-perasaan perkauman sama ada ianya daripada Ahli Yang Berhormat dari orang Melayu, ataupun ianya Ahli Yang Berhormat daripada orang Cina atau Ahli Yang Berhormat daripada orang India. Sepatutnya kita raesti memikirkan apakah perkataan yang kita akan keluarkan itu akan memberi kesakitan hati sama ada kepada kita yang di dalam Dewan ini ataupun kepada rakyat di luar Dewan ataupun kepada generasi yang akan datang yang akan

membaca ucapan-ucapan yang dibuat di dalam Dewan yang mulia ini.

Maka dengan sebab itu, pada hemat saya Dasar Ekonomi Baru ini diwujudkan; kita bersama-sama bersetuju mewujudkan Dasar Ekonomi Baru adalah untuk merapatkan polarisasi kaum. Kalau ketiga-tiga Wakil Rakyat yang saya sebutkan tadi mengatakan bahawa dengan Dasar Ekonomi Baru ini polarisasi kaum bertambah luas jurangnya tetapi pada hemat saya dengan Dasar Ekonomi Baru inilah kita merapatkan polarisasi kaum itu, merapatkan hubungan baik antara kaum Melayu, kaum Cina dan orang India. Terutama orang-orang Melayu dan orang-orang Cina yang mana kita sedia maklum, dari segi sejarah negara kita Malaysia ini hampir 400 tahun semenjak tahun 1511 hingga tahun 1957 sewaktu kita mencapai kemerdekaan, negara kita telah dijajah oleh Portugis, oleh Belanda dan oleh orang Inggeris beratus-ratus tahun dan yang paling lama ialah penjajah Inggeris yang memerintah dan memisahkan di antara orang Melayu yang jauh ketinggalan daripada orang-orang Cina di dalam semua bidang hidup di negara Malaysia ini.

Jadi dengan itu kita wujudkan Dasar Ekonomi Baru. Kita sedia maklum bahawa dengan pemerintahan Kerajaan Inggeris yang saya sebutkan selama 400 tahun tadi, telah memisahkan orang Cina di bandar dengan perniagannya, orang Melayu dengan tinggal di kampung dengan kebun-kebun getah, kelapa, kebun-kebun kecilnya, orang India diletakkan di ladang-ladang ataupun, dengan izin, di estates orang Inggeris. Dengan ini terpisahkan masyarakat ketiga-tiga kaum yang terbesar di dalam negara kita ini dengan meletakkan kaum Cina kepada bidang perniagaan, kaum Melayu dengan bidang kebun, pertanian dan nelayan

dan di samping itu kaum India diletakkan di estates ataupun di ladang-ladang ataupun di lombong-lombong.

Inilah yang dilakukan oleh Inggeris dan apabila kita mencapai kemerdekaan kita wujudkan Dasar Ekonomi Baru dengan sebab teretusnya Peristiwa 13 Mei menyedari bahawa perbezaan ataupun pertemuan di antara ketiga-tiga kaum dalam satu negara yang kehidupan mereka dipisahkan antara satu dengan lain, maka Dasar Ekonomi Baru diwujudkan untuk membetulkan perkara itu. Ini haruslah difahami oleh semua di dalam Dewan yang mulia ini ataupun rakyat di luar dari Dewan yang mulia ini. Jadi tujuan Dasar Ekonomi Baru diwujudkan ini adalah untuk membetulkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Adalah mustahil bagi mencapai matlamatnya berbanding dengan 400 tahun kita telah dijajah dan dipisahkan dengan ketiga-tiga kaum yang saya sebutkan tadi. Orang-orang Melayu yang ketinggalan dalam bidang ekonomi dan dengan sebab itu teretusnya Peristiwa 13 Mei pada tahun 1969 dan adanya ketidakseimbangan terutama di dalam bidang ekonomi antara kaum Melayu dan kaum Cina. Oleh itu kita tidak mahu sejarah hitam itu berulang lagi dan sekiranya Dasar Ekonomi Baru ini diungkit-ungkitkan dan tidak diteruskan, maka dengan itu tidak hairanlah kalau Peristiwa 13 Mei itu akan berutang lagi di dalam negara kita.

Maka dengan sebab itu saya mencadangkan supaya Kerajaan jangan sekali-kali memberhentikan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ini sehingga tahun 1990 sahaja dan hendaklah ianya diteruskan dengan alasan:

(1) Dasar Ekonomi Baru ini adalah untuk perpaduan negara;

(2) membasmi kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum; dan

(3) membentuk semula struktur masyarakat supaya ras tidak dikaitkan dengan pekerjaan.

Selain daripada itu matlamat Dasar Ekonomi Baru ini adalah untuk memberikan pekerjaan kepada kadar yang cukup untuk mengurangkan pengangguran.

Yang kedua, matlamatnya adalah untuk meninggikan lagi pendapatan dan penghasilan atau daya pengeluaran di kalangan mereka yang bekerja di dalam pekerjaan penghasilan rendah di bandar ataupun di luar bandar dengan menambahkan access untuk peluang-peluang kemahiran, tanah, modal dan input-input yang lain dan membasmi separuh pengangguran.

Yang ketiga, Dasar Ekonomi Baru ini juga adalah untuk memperbanyakkan peluang untuk mereka yang ada di dalam pekerjaan daya penghasilan yang rendah untuk berpindah kepada kerja-kerja yang daya penghasilannya tinggi dalam industri pertanian, perikanan, perhutanan dan sebagainya serta perkhidmatan.

Yang keempat, adalah untuk mengurangkan ketidaksamaan di dalam agihan pendapatan antara kaum di dalam negeri ini.

Yang kelimanya adalah untuk memodenkan kehidupan tuar bandar dan memperbaiki keadaan hidup di kalangan orang-orang miskin di bandar dengan memberikan berbagai-bagai perkhidmatan sosial termasuk perumahan, elektrik, bekalan air dan sebagainya.

Yang keenam, pembentukan Dasar Ekonomi Baru ini juga adalah untuk pembentukan satu masyarakat

dagangan dan juga industri di kalangan Melayu dan lain-lain bumiputera supaya dalam satu generasi mereka akan memiliki dan menguruskan sekurang-kurangnya 30% daripada semua aktiviti perdagangan dan industri di dalam semua bidang di negara ini.

Yang ketujuh, adalah membentuk semua pola pekerjaan di dalam sektor pekerjaan dalam ekonomi supaya mencerminkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum pada tahun 1990.

Dan yang akhirnya, tujuan Dasar Ekonomi Baru ini adalah untuk memperbanyakkan kemudahan-kemudahan pelajaran dan juga latihan serta lain-lain perkhidmatan sosial dan juga infrastruktur fizikal untuk menyokong matlamat satu hingga matlamat ketujuh yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ketidaksamaan yang terdapat di Malaysia di antarabangsa merupakan ketidaksamaan yang luas dan dengan demikian penyertaan dan keikhlasan orang-orang bukan bumiputera dalam usaha menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini adalah penting dan dalam hal ini bukan bumiputera mestilah menerima konsep bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah Dasar Ekonomi Nasional negara yang akan menguntungkan semua pihak dan bukannya menguntungkan kepada orang Melayu atau bumiputera sahaja dan sebenarnya itulah yang terjadi pada masa Dasar Ekonomi Baru ini berjalan.

Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam pembukaan tanah, dalam pembinaan rumah dan sebagainya memanglah majoriti kita berikan kepada orang Melayu atau bumiputera tetapi majoriti-majoriti yang didapati di atas kerja-kerja kontrak, pemborong-pemborong adalah di dapati oleh orang bukan

Melayu, khasnya orang-orang Cina. Ini tidak dapat dinafikan, kalau kita tinjau katalah yang paling banyak di dalam bandar yang memainkan peranan ialah UDA. UDA ialah sebuah badan yang diwujudkan oleh Dasar Ekonomi Baru tetapi apabila kita Hhat atau kalau kita baca Laporan UDA daripada kontrak-kontrak yang dibuat oleh UDA sama ada bangunan, kedai, rumah, bandar dan sebagainya, beratus atau beribu juta harga kontrak itu yang dapat kepada Melayu berapa ramai; yang didapati oleh kontraktor-kontraktor Cina berapa ramai; dan kalau adapun bumiputera seorang Melayu yang dapat, mereka adalah sebagai syarikat yang berusahasama dengan orang-orang Cina.

Jadi ini membuktikan bahawa wang yang beribu juta ringgit kita peruntukkan kepada UDA untuk pembangunan bandar misalnya, adalah walaupun katalah 20 pintu kedai dibangunkan, 15 dapat kepada orang Melayu, akhirnya yang 5 dapat kepada bukan Metayu—akhirnya, kalau tidak percaya boleh kita buat siasatan. Begitu juga dari segi kontrak-kontrak yang saya sebutkan tadi, memang bumiputera agak susah untuk mendapatnya bukan sahaja kepada UDA, bahkan juga yang lain-lain. Misalnya, katalah FELDA dalam pembukaan tanah ladang yang begitu luas, jika kita kaji siapakah kontrak-kontrak yang mendapat peluang untuk menjalankan usaha bagi menjalankan projek FELDA, FELCRA dan sebagainya. Begitu juga dari segi-segi yang lain, badan-badan berkanun seperti Perbadanan Kemajuan Negeri di tiap-tiap negeri, kepada PETRONAS umpamanya, dan semua sekali, segala agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan dalam Dasar Ekonomi Baru ini yang mendapat peluang yang banyak, yang menjadi jutawan bukanlah seperti yang didakwa mengatakan orang Melayu atau bumiputera yang banyak jadi jutawan

tetapi sebaliknya yang banyak menjadi jutawan ialah orang-orang Cina ataupun yang bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Panjang lagikah ucapan itu?

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sambung besok.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada 3 hari lagi

untuk membahaskan peringkat dasar Budget kita. Menteri-menteri akan memberi jawapan pada hari Jumaat ini. Saya haraplah oleh sebab kesuntukan masa, Ahli-ahli Yang Berhormat memendekkan sedikit ucapan masing-masing. Kalau sekiranya setakat 30 minit, saya ingat boleh mencukupi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum lagi dapat peluang berucap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.